




Rangka Kerja Kurikulum
untuk Pendidikan Prasekolah
di Singapura



**PANDUAN PENDIDIK
BAHASA MELAYU**

Copyright © 2023, Ministry of Education
Republic of Singapore
Earlier editions published by Ministry of Education,
Singapore in 2003 and 2013.

All rights reserved. This publication shall not be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without the prior written permission of the copyright owner.

All information contained herein is correct at the time of printing.

ISBN: 978-981-18-7433-8

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	5
PENDAHULUAN	6
BAB 1: Pengenalan	7
BAB 2: Gambaran Keseluruhan	13
• Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja NEL	14
• Gambaran Keseluruhan Panduan Pendidik (Bahasa Melayu)	25
BAB 3: Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu)	27
• Pertimbangan Utama dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu)	28
• Persediaan Perancangan dan Pembelajaran	31
• Kandungan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	33
• Matlamat Pengajaran dan Pembelajaran, Pengetahuan dan Kemahiran, serta Kesediaan Belajar (Bahasa Melayu)	42
- Memupuk minat dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	43
- Membangunkan Kemahiran, Pengetahuan Asas dalam Pembelajaran Bahasa Melayu	46
- Mengenali Budaya Etnik Tempatan	56
• Guru sebagai Pemudah Cara	59
BAB 4: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	64
• Kaedah dan Strategi Pengajaran	65
• Interaksi Berkualiti	65
- Bacaan Lantang	66
- Pendekatan Membaca Bersama (<i>Shared Book Approach</i>)	66
- Berinteraksi dan Bercerita	68
• Bermain Secara Terarah	71
- Jenis-jenis Aktiviti Permainan	71
• Pengajaran Pembezaan	74
- Pusat Pembelajaran	74
- Pembelajaran Koperatif	75
• Cara Lain Menjalankan Pembelajaran	76
- Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	76
- Kerja Projek (<i>Project Work</i>)	77

• Bahan Sokongan Pembelajaran	77
- Bahan-bahan Pengajaran	77
- Muzik dan Pergerakan	78
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	79
 BAB 5: Pemantauan dan Penilaian Pembelajaran dan Pembangunan	80
• Perkembangan Holistik	81
• Penilaian dan Jenis-jenis Penilaian	81
• Proses Penilaian	82
• Pengumpulan dan Dokumentasi Data	86
- Senarai semak	86
- Catatan anekdot	88
- Catatan terperinci	89
- Portfolio	90
• Penggunaan Data untuk Memberikan Maklum Balas	91
 BAB 6: Membina Komuniti Pembelajaran Bahasa Melayu yang Rancak	93
• Pembentukan Sekitaran Mesra Bahasa di Sekolah	94
• Hubungan antara Sekolah dengan Rumah	95
- Pembelajaran dari Rumah	95
• Komuniti Pembelajaran Profesional	96
• Pelibatan masyarakat dalam menggalakkan penggunaan dan pembelajaran Bahasa Melayu	97
 RUJUKAN DAN GLOSARI	99

PENGHARGAAN

Kementerian Pendidikan mengucapkan terima kasih kepada Dr. Raudhah Binte Yahya, Pakar Kurikulum Kanan dan Pensyarah Kanan, Institut Nasional Pembangunan Awal Kanak-kanak (NIEC), yang telah memainkan peranan penting dalam penghasilan dokumen ini.

Kami mengiktiraf sumbangan ahli Jawatankuasa Semakan Rangka Kerja Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal atas nasihat, maklum balas dan saranan yang diberikan.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada tadika dan tajaka berikut atas perkongsian idea dan pelibatan mereka untuk sesi fotografi:

- PCF Sparkletots@Tampines West Blk 887
- Tadika Masjid@Masjid Al Muttaqin
- Tadika MOE

PENDAHULUAN

Keupayaan berbahasa penting dalam perkembangan kanak-kanak. Melalui bahasa, kanak-kanak boleh menyampaikan idea, fikiran, perasaan dan pendapat mereka. Oleh itu, asas bagi pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk mengembangkan keupayaan berbahasa agar dapat membantu mereka membangunkan kemahiran kognitif, sosial, emosi dan lain-lain.

Dalam usaha membangunkan keupayaan berbahasa Melayu, kanak-kanak harus menguasai kemahiran dan pengetahuan asas bahasa di samping mengenali adat dan budaya Melayu dalam konteks masyarakat berbilang bangsa. Mereka juga harus disokong dengan aktiviti yang dapat merangsang naluri ingin tahu, keupayaan berfikir, kreativiti, interaksi dan disiplin. Aktiviti-aktiviti ini mengambil kira latar belakang, kebolehan dan minat kanak-kanak.

Oleh itu, panduan pendidik ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pendidik agar dapat melaksanakan amalan-amalan yang berkualiti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Contoh-contoh dalam panduan pendidik ini menerangkan satu atau beberapa perkara seperti yang berikut:



Nilai



Kecekapan
Sosial dan Emosi



Kesediaan
Belajar



Fungsi Kemahiran
Eksekutif

1. Memupuk nilai, kecekapan sosial dan emosi, kesediaan belajar dan fungsi kemahiran eksekutif merentasi pengalaman pembelajaran.
2. Menggalakkan pembelajaran di luar, mengenai dan melalui persekitaran luar bilik darjah.
3. Menggunakan teknologi secara wajar dan bermakna.

Selain itu, panduan pendidik ini juga menyediakan maklumat kepada ketua pusat tentang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda yang mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menyokong rasa cinta akan bahasa ibunda. Para pendidik disarankan agar menggunakan panduan ini secara fleksibel dan berbudi bicara supaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi suatu pengalaman yang menyeronokkan untuk kanak-kanak.

Kumpulan Prasekolah

Unit Bahasa Melayu, Cawangan Bahasa Ibunda
Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum

Bab 1

PENGENALAN

Proses perkembangan kanak-kanak yang berterusan perlu disokong dengan kurikulum prasekolah yang terancang, mantap dan relevan dengan perkembangan semasa. Hal ini penting untuk memenuhi keperluan individu, masyarakat dan negara. Kurikulum prasekolah juga harus menimbangkan keupayaan dan kesediaan kanak-kanak mengikut tahap perkembangan mereka yang berbeza-beza.

Rangka Kerja Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal (Rangka Kerja NEL) - Rangka Kerja Kurikulum bagi Pendidikan Prasekolah di Singapura mula diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) pada tahun 2003. Rangka kerja ini bertujuan untuk membimbing pusat prasekolah di Singapura dalam usaha membina dan melaksanakan kurikulum yang berkualiti untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Berserta dengan Rangka Kerja NEL, MOE juga menyediakan Panduan Pendidik Bahasa Melayu untuk Prasekolah.

Untuk memastikan Rangka Kerja NEL kekal relevan dengan keperluan pendidikan prasekolah pada masa ini, MOE telah menyemak semula rangka kerja dan panduan pendidik yang sedia ada. Rangka Kerja NEL yang baharu ini menyertakan dasar pendidikan prasekolah, kajian dan amalan semasa bagi pendidikan awal kanak-kanak dari dalam dan luar negara. Pandangan dan maklum balas para pendidik prasekolah, ahli akademik pendidikan awal kanak-kanak serta pelatih guru prasekolah juga diambil kira dalam penghasilan bahan ini. Hal ini penting agar Rangka Kerja NEL serta Panduan Pendidik Bahasa Melayu untuk Prasekolah dapat menyokong semua pendidik untuk membina kemahiran asas yang penting dalam diri kanak-kanak dalam abad ke-21 ini.



Kemahiran mendengar dan bertutur ditekankan dalam pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah.

Hasil Pendidikan yang Diingini bagi Peringkat Prasekolah

Hasil Pendidikan yang Diingini (DOE) merupakan sifat-sifat yang ingin diterapkan dalam diri kanak-kanak pada akhir pendidikan formal mereka di Singapura. Kanak-kanak yang melalui pendidikan di Singapura harus mempunyai:

- **kesedaran diri yang baik;**
- **pegangan akhlak yang mulia; dan**
- **kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menghadapi cabaran masa hadapan.**

Kanak-kanak juga harus:

- **berkeyakinan dan dapat membezakan antara yang baik dengan yang sebaliknya,** boleh menyesuaikan diri dengan perubahan, teguh, mengenali diri, membuat pertimbangan dengan bijak, berfikir secara kritis dan inventif, dan berkomunikasi dengan berkesan;
- **mempunyai arah kendiri dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran diri sendiri,** rajin bertanya, berkebolehan melakukan refleksi serta tabah dan gigih untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran;
- **menjadi penyumbang aktif yang boleh bekerja dalam kumpulan,** menggunakan inisiatif, berani mengambil risiko yang diperhitungkan, bersifat inovatif dan bekerja keras untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik; dan
- **berperanan sebagai rakyat yang prihatin, cinta akan tanah airnya,** mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, berpengetahuan tentang Singapura serta dunia dan memainkan peranan aktif dalam membela kehidupan orang-orang di sekelilingnya.

Hasil Pendidikan yang Diingini dicerakinkan berdasarkan peringkat pendidikan tertentu, iaitu dari prasekolah hingga pascamenengah. Di peringkat prasekolah, penekanan diberikan pada pembangunan holistik kanak-kanak. Justeru hasil pendidikan yang diingini pada peringkat ini menitikberatkan pembinaan keyakinan diri, kemahiran sosial dan pengetahuan, dan kemahiran serta kecenderungan utama bagi pembelajaran sepanjang hayat.

Tahap Penting Hasil Pendidikan Prasekolah

Di peringkat prasekolah, Tahap Penting dalam Hasil Pendidikan Prasekolah menggariskan hasil pembangunan kanak-kanak. Hal ini menekankan pembangunan holistik kanak-kanak yang menyediakan mereka untuk menjadi seorang pelajar sepanjang hayat. Di akhir pendidikan prasekolah, diharap kanak-kanak akan:

- dapat membezakan antara perkara yang betul dengan salah;**
- bersedia untuk berkongsi dan mengambil giliran;**
- dapat mengaitkan diri dengan orang lain;**
- mempunyai sikap ingin tahu dan berupaya meneroka;**
- mampu mendengar dan bertutur agar dapat difahami;**
- selesa dan gembira dengan diri sendiri;**
- mempunyai koordinasi fizikal dan tabiat sihat;**
- menyertai dan menikmati pelbagai pengalaman seni; dan**
- menyayangi keluarga, rakan, guru dan sekolah.**

Untuk membantu kanak-kanak mencapai Tahap Penting dalam Hasil Pendidikan Prasekolah, Rangka Kerja Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal untuk Bahasa Ibunda mengesyorkan idea-idea untuk pertimbangan para guru semasa merancang dan melaksanakan kurikulum Bahasa Ibunda serta memerhati dan menilai pembelajaran murid-murid mereka.



Permainan yang sesuai boleh menggalakkan kanak-kanak berinteraksi dan meningkatkan kemahiran sosial.

Bidang Pembelajaran

Hasil pendidikan yang diingini bagi Peringkat Prasekolah boleh dicapai melalui bidang pembelajaran berikut:

- 1. Estetika dan Ekspresi Kreatif**
- 2. Penemuan Dunia**
- 3. Kesihatan, Keselamatan dan Pembangunan Kemahiran Motor**
- 4. Bahasa dan Literasi (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda)**
- 5. Numerasi**

Dasar Kedwibahasaan di Singapura

Kedwibahasaan merupakan tunjang sistem pendidikan di Singapura. Semua pelajar yang mengikuti pendidikan dalam arus utama akan belajar Bahasa Inggeris (BI) dan satu daripada Bahasa Ibunda (Bahasa Cina, Bahasa Melayu atau Bahasa Tamil), iaitu bahasa rasmi Singapura. Pelajar diberikan peluang untuk mempelajari Bahasa Ibunda yang dipilih setinggi mana yang terdaya dan sejauh mana yang termampu.

Sehubungan dengan itu, kajian membuktikan bahawa pembelajaran Bahasa Ibunda pada usia yang muda amat penting demi membantu pembangunan kognitif kanak-kanak. Menurut kajian, kanak-kanak yang mempelajari dua bahasa sebelum mencapai umur tujuh tahun, mempunyai peluang yang lebih besar untuk memperoleh kemahiran dalam kedua-dua bahasa di peringkat yang lebih tinggi daripada rakan-rakan yang tidak mempunyai pengalaman yang sama (Kuhl, 2011). Hal ini dapat dicapai lebih-lebih lagi dengan rangsangan yang mencukupi di rumah dan sekolah.

“

Komitmen kita kepada dwibahasa melangkaui usaha memberikan galakan dan membolehkan sesiapa mempelajari, menggunakan dan memperoleh kecekapan berbahasa Inggeris sebagai bahasa kerja berserta bahasa ibunda masing-masing. Ia merupakan komitmen kepada pembinaan identiti kita yang tersendiri sebagai rakyat Singapura yang boleh memahami dan menghubungkan perbezaan budaya, persaingan perspektif dan ideologi yang berbeza-beza. Bahasa merupakan jendela budaya dan nilai seseorang. Kebolehan menguasai lebih daripada satu bahasa merupakan suatu kelebihan. Kebolehan menghargai lebih daripada satu bahasa dan merapatkan perspektif dan sistem nilai yang berbeza merupakan satu kelebihan yang menguntungkan.

Encik Chan Chun Sing, Menteri Pendidikan dan Pengerusi Dana Acara Peringatan Ulang Tahun ke-10, Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew
24 November 2021

”


Kanak-kanak yang boleh berdwibahasa akan meraih banyak manfaat. Dengan kebolehan berdwibahasa, kanak-kanak boleh berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan membina hubungan dengan mereka sama ada yang berbahasa Inggeris atau Melayu. Hal ini merapatkan masyarakat. Selain itu, kanak-kanak dapat berhubungan bukan sahaja dengan mereka yang berada di rantau ini malahan mereka yang berada di pelosok dunia. Justeru mereka menjadi lebih yakin akan jati diri kerana mengetahui, memahami dan menghargai adat dan tradisi tempatan dan masyarakat Melayu. Pada masa yang sama, kanak-kanak juga akan membina kemahiran fungsi eksekutif seperti menumpukan perhatian. Hal ini dapat membantu mereka meraih kejayaan dibandingkan dengan mereka yang hanya mempunyai keupayaan dalam satu bahasa.



Kanak-kanak yang berdwibahasa akan dapat berkomunikasi dengan rakan-rakan yang berlainan bangsa.

Bab 2

GAMBARAN KESELURUHAN



GAMBARAN KESELURUHAN RANGKA KERJA NEL

Rangka Kerja Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal (NEL) ialah rangka kerja bagi kurikulum pendidikan pelajar pada peringkat awal di Singapura. Rangka kerja ini memandu pusat-pusat prasekolah mereka bentuk dan melaksanakan kurikulum tadika yang berkualiti untuk kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun.

Aspek-aspek utama Rangka Kerja NEL termasuk perkara-perkara yang berikut:

- pernyataan kepercayaan tentang kanak-kanak yang berakar kukuh dalam konteks kita di Singapura
- menyediakan asas kepentingan nilai, sosial dan kecekapan emosi dan kesediaan pembelajaran
- lima bidang pembelajaran yang menyumbang kepada pembangunan holistik kanak-kanak; dan
- enam prinsip-prinsip iTeach yang memandu guru-guru dalam perancangan, mereka bentuk dan memudah cara pengalaman pembelajaran yang bermakna dan sesuai untuk kanak-kanak.


Rajah 1: Gambaran Keseluruhan Rangka Kerja NEL

Kepercayaan Kita tentang Kanak-kanak

- Kanak-kanak merupakan golongan yang ceria, mempunyai sifat ingin tahu dan pelajar yang cekap
- Kanak-kanak bermain, belajar dan membesar dengan orang di sekeliling mereka dalam masyarakat pelbagai budaya

Nilai

- Hormat-menghormati
- Bertanggungjawab
- Penyayang
- Kejujuran



Kecekapan Sosial dan Emosi

- Kesedaran Diri
- Pengurusan Diri
- Kesedaran Sosial
- Pengurusan Hubungan
- Bertanggungjawab dalam Membuat Keputusan

Kesediaan Belajar

- Ketabahan
- Reflektif
- Penghargaan
- Inventif
- Rasa Hairan dan Ingin Tahu
- Keterlibatan

Di tengah-tengah Rangka Kerja NEL ialah kepercayaan kita tentang kanak-kanak. Yang mendasari pembangunan holistik kanak-kanak ialah nilai, kecekapan sosial dan emosi, dan kesediaan belajar termasuk pengetahuan utama, kemahiran dan perwatakan dalam lima bidang pembelajaran. Sokongan berkesan yang diberikan oleh guru-guru kepada kanak-kanak dalam pembelajaran dan pembangunan menjadi aspek utama dan fokus Rangka Kerja NEL. Enam prinsip-prinsip iTeach untuk menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti memandu guru secara tekal dalam perancangan, mereka bentuk dan memudah cara pengalaman pembelajaran yang bermakna dan sesuai untuk kanak-kanak. Pengalaman pembelajaran ini akan menjadi asas yang kukuh yang membantu mereka mencapai Hasil Peringkat Utama Pendidikan Prasekolah dan membentuk kecekapan yang selaras dengan Hasil Pendidikan yang Diingini.

Kepercayaan Kita tentang Kanak-kanak

Kepercayaan kita tentang kanak-kanak membantu kita mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang kanak-kanak, perkara-perkara yang boleh dicapai oleh mereka dan cara mereka belajar. Kepercayaan ini mempunyai pandangan bahawa kanak-kanak mempunyai agensi atau keupayaan untuk menentukan sesuatu tindakan dan aktif dalam proses pembelajaran dan pembangunan. Kepercayaan ini menggambarkan realiti perubahan dan aspirasi kanak-kanak di Singapura dan memandu pendidik prasekolah untuk merancang dan merebut peluang membina potensi kanak-kanak sepenuhnya.

Yang berikut merupakan pernyataan kepercayaan kita tentang kanak-kanak.

Kanak-kanak merupakan golongan yang ceria, mempunyai sifat ingin tahu dan pelajar yang cekap

Kanak-kanak merupakan pelajar yang ceria dan mempunyai keperluan semula jadi untuk memahami perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka dengan bermain, meneroka dan melakukan penemuan. Mereka tidak hanya memerhatikan keadaan sekeliling mereka tanpa memikirkan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Sebaliknya, mereka **ingin tahu**, **aktif** meneroka dan memerhatikan persekitaran mereka dengan rakan-rakan dan guru mereka. Justeru mereka memikirkan dan menemukan sebab-sebab dan cara-cara sesuatu perkara berlaku di sekeliling mereka. Kanak-kanak merupakan **pelajar yang cekap** kerana mereka boleh mempelajari semua perkara dengan sokongan dan persekitaran yang sesuai. Mereka merupakan individu dengan kekuatan dan keperluan yang berbeza, tinggal dan belajar dalam masyarakat pelbagai budaya di Singapura.

Kanak-kanak bermain, belajar dan membesar dengan orang di sekeliling mereka dalam masyarakat pelbagai budaya

Hubungan dengan orang lain yang positif dan bermakna merupakan aspek utama dalam pembesaran dan pembangunan kanak-kanak. Oleh itu, peluang perlu diberikan kepada kanak-kanak untuk bermain, belajar dan membesar bersama dengan orang lain tanpa mengira latar belakang, usia dan kebolehan. Kanak-kanak di Singapura berinteraksi dengan masyarakat yang lebih luas (iaitu di luar rumah dan sekolah) yang kaya dengan pelbagai bahasa dan budaya. Mereka seronok berada dalam persekitaran yang meraikan kepelbagaian etnik dan menunjukkan minat kepada bahasa Inggeris (EL) dan bahasa ibunda mereka (MTL). Peluang untuk terlibat dalam tradisi dan amalan masyarakat tempatan membantu kanak-kanak untuk menghargai dan menunjukkan rasa hormat kepada kepelbagaian dan warisan pelbagai budaya.

Nilai, Kecekapan Sosial dan Emosi, dan Kesediaan Belajar

Rangka Kerja NEL menekankan kepentingan tiga aspek pembangunan – nilai, kecekapan sosial dan emosi, dan kesediaan belajar. Ketiga-tiga aspek pembangunan ini merentasi semua bidang pembelajaran dan menyediakan kanak-kanak dengan pembinaan perwatakan, pembelajaran sepanjang hayat dan belajar untuk hidup harmoni dengan orang lain dalam dunia yang pesat berubah dan kompleks. Aspek-aspek ini harus diterapkan dalam pengalaman pembelajaran yang dirancang dan dimudah cara oleh guru dengan mengambil kira perkara dan cara kanak-kanak belajar.

Nilai

Nilai seumpama kompas yang membimbing kanak-kanak ketika berinteraksi dan membuat keputusan. Kanak-kanak yang berpegang pada nilai teras yang kukuh akan membesar dan menjadi rakyat yang mempunyai perwatakan baik dan dapat menyumbang secara positif kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Empat nilai teras, **format-menghormati, bertanggungjawab, penyayang** dan **kejujuran** telah dikenal pasti sebagai nilai yang relevan dalam kehidupan kanak-kanak di Singapura dan patut dipraktikkan dalam kehidupan harian mereka. Empat kemahiran teras ini selaras dengan nilai teras kekeluargaan nasional yang dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga bagi membina keluarga yang kukuh dalam negara ini.

Kecekapan Sosial dan Emosi

Kecekapan sosial dan emosi membantu kanak-kanak untuk memahami diri dan membangunkan sikap positif tentang diri sendiri apabila berhubungan dengan rakan, keluarga dan ahli masyarakat. Kecekapan ini juga menyumbang kepada pembangunan kanak-kanak secara holistik. Dalam jangka masa yang panjang, kecekapan ini terbentuk dalam beberapa aspek seperti kelakuan dan sikap positif, motivasi dan kelakonan dalam pelajaran (Hyson 2004; Kostelnik et al., 2015; Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning, 2020).

Lima kecekapan sosial dan emosi yang menyumbang kepada pembangunan jangka panjang dan holistik ialah:

- 1. Kesedaran Diri**
- 2. Pengurusan Diri**
- 3. Kesedaran Sosial**
- 4. Pengurusan Hubungan**
- 5. Bertanggungjawab dalam Membuat Keputusan**

Penerangan lanjut mengenai Kecekapan Sosial dan Emosi ini akan diterangkan secara terperinci di dalam Bab 3 halaman 40.

Kesediaan Belajar

Kesediaan belajar ialah kelakuan dan pandangan positif terhadap pembelajaran. Sikap positif terhadap pembelajaran harus dibentuk selain usaha untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran (Katz, 1993, hlm. 17). Kanak-kanak yang positif terhadap pembelajaran akan mempunyai motivasi untuk terus belajar, meneroka dan mengaplikasikan perkara yang telah dipelajari dalam situasi yang berbeza serta belajar daripada orang lain walaupun payah. Kanak-kanak sedemikian akan mempunyai permulaan yang baik untuk menjadi pelajar sepanjang hayat dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

Guru-guru boleh membentuk enam perwatakan yang berikut:

- 1. Ketabahan**
- 2. Reflektif**
- 3. Penghargaan**
- 4. Inventif**
- 5. Rasa Hairan dan Ingin Tahu**
- 6. Keterlibatan**

Guru harus memberikan kesempatan kepada kanak-kanak membentuk enam perwatakan ini. Walaupun kesempatan itu akan hadir secara semula jadi sewaktu rutin harian, peluang tersebut harus disediakan. Guru juga patut memanfaatkan saat boleh didik untuk mengenalkan atau mengukuhkan enam perwatakan yang penting ini bagi pembangunan kanak-kanak. Pusat prasekolah juga digalakkan untuk membina budaya positif dengan menunjukkan kelakuan baik dan menggunakan bahasa positif agar dapat menjadi contoh kepada kanak-kanak. Penerangan lanjut mengenai Kesediaan Belajar ini akan diterangkan secara terperinci di dalam Bab 3 halaman 41.



Pengajaran dan pembelajaran menjadi efektif apabila kanak-kanak belajar dalam suasana yang menyeronokkan.

Bidang Pembelajaran

Lima bidang pembelajaran yang menyumbang kepada pembangunan holistik kanak-kanak ialah:

- 1. Estetik dan Ekspresi Kreatif**
- 2. Penemuan Dunia**
- 3. Kesihatan, Keselamatan dan Pembangunan Kemahiran Motor**
- 4. Bahasa dan Literasi (Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda)**
- 5. Numerasi**

Setiap bidang pembelajaran mempunyai satu set matlamat pembelajaran. Matlamat pembelajaran ini menggambarkan jangkaan perkara-perkara yang perlu diketahui oleh kanak-kanak apabila mereka selesai pendidikan prasekolah di Tadika 2 (K2). Jadual yang berikut memberikan ringkasan matlamat pembelajaran bagi setiap bidang pembelajaran:

Jadual 1: Bidang Pembelajaran

Bidang Pembelajaran	Matlamat Pembelajaran
Estetik dan Ekspresi Kreatif	<ol style="list-style-type: none">1. Seronok mengambil bahagian dalam kegiatan seni, muzik dan pergerakan2. Mengekspresikan idea dan perasaan melalui kegiatan seni, muzik dan pergerakan3. Menghargai seni, muzik dan pergerakan
Penemuan Dunia	<ol style="list-style-type: none">1. Menunjukkan rasa ingin tahu dan minat akan dunia yang menjadi tempat tinggal mereka2. Menggunakan kemahiran proses yang diperlukan untuk memahami keadaan di sekeliling mereka3. Membentuk rasa tanggungjawab, prihatin dan hormat terhadap keadaan sekeliling mereka
Kesihatan, Keselamatan dan Pembangunan Kemahiran Motor	<ol style="list-style-type: none">1. Membentuk amalan sihat dan kesedaran tentang di rumah, sekolah dan tempat awam2. Seronok mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti fizikal3. Menunjukkan kawalan, koordinasi dan penyeimbangan dalam kegiatan kemahiran motor4. Menunjukkan kawalan dan koordinasi dalam kegiatan motor kasar

**Bahasa dan Literasi
(Bahasa Inggeris dan
Bahasa Ibunda)**

1. Mendengar untuk hiburan dan maklumat
2. Bertutur dengan yakin untuk menyampaikan maksud dan berkomunikasi dengan orang lain
3. Membaca untuk hiburan dan pemahaman
4. Menggunakan simbol, bentuk seperti abjad, huruf dan perkataan dengan ejaan yang direka atau konvensional untuk menyampaikan idea dan maklumat

1. Menunjukkan minat dan seronok untuk mempelajari Bahasa Ibunda
2. Membangun kemahiran, pengetahuan asas bahasa dan literasi Bahasa Ibunda
3. Mempunyai kesedaran dan mengenal budaya etnik tempatan

Numerasi

1. Seronok belajar dan menggunakan konsep dan kemahiran numerasi dalam pengalaman harian
2. Memahami hubungan dan corak
3. Membina kemahiran mengira dan mengenal pasti angka
4. Memahami bentuk asas dan konsep ruang



Perbincangan secara berpasangan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Prinsip iTeach

Gambaran Keseluruhan Prinsip iTeach

Prinsip iTeach bertujuan untuk membimbing guru apabila merancang dan memudah cara pengalaman pembelajaran yang sesuai dan bermakna bagi kanak-kanak. Prinsip ini dikenal pasti berdasarkan kajian tempatan dan luar negara tentang pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang efektif.

Jadual 2: Prinsip iTeach

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bersepadu

Kanak-kanak belajar melalui pengalaman yang dilalui dan tidak membahagikannya kepada bidang tertentu. Justeru pengalaman pembelajaran kanak-kanak harus dirancang secara menyeluruh, dalam konteks yang bermakna dan tidak diasing-asingkan mengikut bidang pembelajaran. Pendekatan bersepadu ini akan membolehkan kanak-kanak membuat kaitan bermakna. Mereka juga akan memahami perkara yang dipelajari dengan pengalaman harian atau memahami kaitan antara konsep dengan kemahiran supaya dapat digunakan dalam situasi dan konteks tertentu. Guru boleh membuat kaitan melalui cara yang berikut:

- bidang pembelajaran (contoh, pelajaran Dikir Barat ialah integrasi Bahasa Melayu dengan Muzik dan Pergerakan);
- minat/pengalaman lalu dengan pengalaman pembelajaran baharu;
- konteks pembelajaran berbeza (contoh, di dalam dan luar bilik darjah, rumah dan sekolah, aktiviti yang dijalankan dalam bahasa Inggeris dan Melayu); dan
- pengalaman pembelajaran kanak-kanak daripada kumpulan yang berbeza (contoh, kelas atau peringkat berbeza).

Guru sebagai pemudah cara pembelajaran

Guru menggunakan pengetahuan, kemahiran dan bahan pengajaran untuk melanjutkan pembelajaran kanak-kanak. Guru juga boleh menggunakan informasi yang sudah dikenal pasti tentang minat, kebolehan, pengalaman harian dan kelakonan kanak-kanak untuk membantu guru membuat kaitan antara pengalaman kanak-kanak di rumah dengan pengalaman di sekolah.

Guru harus menyediakan pengalaman pembelajaran berdasarkan *Zone of Proximal Development* (ZPD) atau Zon Perkembangan Proximal (Vygotsky,1978) yang merupakan lanjutan daripada perkara yang sudah diketahui oleh kanak-kanak, perkara yang boleh dilakukan sendiri dan boleh dilakukan tanpa bantuan. Dengan pemerhatian dan pemantauan, guru dapat mengenal pasti ZPD kanak-kanak. Kemudian, guru dapat memberikan perancangan dan melanjutkan pembelajaran kanak-kanak dengan membantu mereka untuk membuat kaitan antara idea, konsep dan kemahiran serta perkara yang dipelajari sebelum ini dengan perkara yang baharu.

Pelibatan kanak-kanak dalam pembelajaran melalui bermain secara terarah

Bermain merupakan peluang untuk kanak-kanak meneroka persekitaran mereka. Bermain juga memberikan motivasi kepada kanak-kanak untuk belajar tentang diri dan persekitaran mereka serta memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas. Semasa kanak-kanak melibatkan diri dalam pelbagai jenis permainan, perkembangan sosial, emosi, kognitif dan kecekapan pergerakan (motor) akan berkembang. Bermain memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk belajar secara kolaboratif, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Hal ini akan membolehkan kanak-kanak mengambil risiko, membuat kesilapan dan belajar cara menangani kegagalan.

Oleh itu, Rangka Kerja NEL mencadangkan agar kanak-kanak mengalami pengajaran melalui bermain secara terarah. Konsep ini bertujuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna agar kanak-kanak dapat mencapai matlamat pembelajaran yang diingini. Penerangan tentang bermain secara terarah akan dilanjutkan di dalam Bab 4.

Pembelajaran autentik melalui interaksi berkualiti

Kanak-kanak membina pengetahuan yang relevan dengan dunia nyata apabila mereka berinteraksi dengan orang, objek dan persekitaran fizikal dalam konteks autentik dan relevan bagi mereka. Pemahaman mereka akan bertambah apabila kanak-kanak diberikan kesempatan untuk berkongsi pemikiran dan idea dengan orang lain. Tambahan lagi, melalui interaksi sosial, kanak-kanak dapat melatih dan memperbaik kemahiran sosial mereka seperti mengenal rakan baharu, bekerjasama dan berbincang dengan rakan, dan melatih cara mengawal diri. Justeru guru harus menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam interaksi berkualiti secara harian ketika belajar dan bersosial.

Interaksi berkualiti berlaku apabila guru merancang cara kanak-kanak melibatkan diri dalam komunikasi yang berterusan dengan seseorang, objek, sekitaran dan bekerjasama untuk membina pengetahuan.

Guru dapat menggalakkan interaksi berkualiti dengan melakukan perkara berikut:

- menghasilkan sekitaran positif di bilik darjah agar kanak-kanak selesa untuk bercerita tentang pengalaman mereka, bertanya soalan dan meluahkan fikiran dan perasaan mereka;
- menentukan rutin bilik darjah agar masa pengajaran dapat dimanfaatkan untuk interaksi berkualiti antara guru dan kanak-kanak dan sesama rakan;
- memupuk perkembangan kognitif dengan bertanyakan soalan dan menggalakkan pelibatan yang akan melanjutkan pemikiran dan pemahaman kanak-kanak; dan
- memberikan contoh cara penggunaan bahasa yang dapat membantu mereka mengembangkan bahasa apabila mereka membina sesuatu idea dan konsep.

Kanak-kanak sebagai pembina pengetahuan

Kanak-kanak merupakan pelajar yang aktif, cekap dan mempunyai sifat ingin tahu. Mereka akan melakukan sesuatu perkara berdasarkan keinginan mereka untuk meneroka. Mereka ingin memahami orang di sekeliling, objek, acara dan idea yang membuat mereka teruja. Apabila menghadapi kepayahan, mereka boleh memikirkan strategi untuk mengatasi masalah tersebut. Mereka membina pengetahuan dan meluaskan pengalaman mereka berdasarkan pengalaman yang lalu, pengalaman harian, pemerhatian, penerokaan, renungan, interaksi dan komunikasi bersama rakan dan guru. Selain itu, mereka dapat membuat kaitan dan memperoleh pemahaman baharu dalam pembelajaran mereka dengan bimbingan baik orang dewasa dan sekitaran yang menggalakkan pembelajaran.

Perkembangan holistik

Perkembangan holistik harus mengambil kira perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan. Semua aspek perkembangan harus dikenal pasti dan dihargai agar dapat memaksimumkan potensi kanak-kanak. Perkembangan holistik kanak-kanak termasuk perkembangan fizikal, sosial, emosi, kognitif, moral, kreativiti dan estetik. Hal ini menjadikan mereka berupaya menangani tuntutan dan cabaran hari muka.

GAMBARAN KESELURUHAN PANDUAN PENDIDIK (BAHASA MELAYU)

Guru memainkan peranan utama melaksanakan kurikulum berkualiti untuk kanak-kanak. Mereka merangsang dan memperdalam pembelajaran kanak-kanak berdasarkan pemahaman mereka tentang cara kanak-kanak membangun dan belajar. Panduan Pendidik NEL ini bertujuan untuk membantu guru menyampaikan Rangka Kerja NEL ke dalam bentuk pengalaman pembelajaran berkualiti untuk kanak-kanak. Panduan Pendidik ini menyediakan idea-idea untuk guru menyampaikan Rangka Kerja NEL ke dalam bentuk pengalaman berkualiti untuk kanak-kanak. Hal ini dilakukan dengan menyediakan contoh-contoh dan saranan. Guru boleh menggunakan dan mengubah suai contoh-contoh dan saranan ini untuk memenuhi minat dan keupayaan kanak-kanak.

Fitur-fitur Utama Panduan Pendidik

Panduan Pendidik ini merujuk prinsip dan matlamat pembelajaran Rangka Kerja NEL. Contohan dan senario dalam Panduan Pendidik menggambarkan satu atau beberapa perkara berikut:

Jadual 3: Fitur-fitur Utama Panduan Pendidik

Nilai, Kecekapan Sosial dan Emosi, Kesediaan Belajar dan Kemahiran Fungsi Eksekutif merentas semua pengalaman pembelajaran

Rangka kerja NEL memberikan gambaran kepentingan nilai, kecekapan sosial dan emosi dan kesediaan belajar dalam pengalaman pembelajaran kanak-kanak. Sebagai sebahagian daripada pembangunan holistik kanak-kanak, rangka kerja ini juga menekankan kepentingan kemahiran fungsi eksekutif yang boleh menentukan kejayaan masa depan kanak-kanak berbanding dengan kebolehan akademik.

Pembelajaran di Luar Bilik Darjah sebagai bahagian penting kehidupan harian kanak-kanak

Kanak-kanak belajar di dalam bilik darjah, di luar bilik darjah dan hal-hal mengenai persekitaran di luar bilik darjah. Rangka Kerja NEL mengenal pasti kepentingan pembelajaran di luar bilik darjah kerana keupayaannya menggalakkan gaya hidup sihat, dan menghargai orang lain dan persekitaran tempat tinggal kita.

Teknologi perlu digunakan dengan bermakna dan sesuai untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak

Kanak-kanak secara asas belajar melalui bermain dan meneroka serta berinteraksi dengan orang lain dan persekitaran mereka. Rangka Kerja NEL menggalakkan penggunaan teknologi yang bermakna dan sesuai untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak. Walau bagaimanapun, teknologi tidak menggantikan kepentingan pengalaman sensori dan penerokaan menggunakan lima deria mereka.

Bab 3

**PERANCANGAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BAHASA IBUNDA
(BAHASA MELAYU)**



PERTIMBANGAN UTAMA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA IBUNDA (BAHASA MELAYU)

Rangka Kerja NEL untuk Bahasa Ibunda membayangkan bahawa kanak-kanak akan berminat mempelajari Bahasa Ibunda dan menggunakan setiap hari dengan lebih lanjut. Selain mengetahui cara berkomunikasi dalam bahasa ibunda, kanak-kanak juga akan diberikan peluang untuk mengetahui budaya etnik tempatan. Justeru pembelajaran Bahasa Ibunda akan membolehkan anak-anak kita sedar akan identiti budaya di Singapura. Hal ini akan membolehkan mereka berhubung dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.

Untuk mencapai visi tersebut, rangka kerja ini mengetengahkan tiga objektif bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda prasekolah: **Komunikasi, Budaya dan Hubungan**.

Jadual 4: Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ibunda Prasekolah

1. Komunikasi	Untuk membina kemahiran asas bahasa dan literasi kanak-kanak dalam aspek-aspek yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • mendengar dengan pemahaman; • bertutur dengan yakin; • mengenal huruf bercetak dan membaca dengan bantuan; dan • membuat tanda, melukis simbol dan menulis huruf/perkataan untuk melambangkan idea.
2. Budaya	Untuk memberikan kesedaran dan memupuk penghargaan kanak-kanak terhadap budaya etnik tempatan dalam aspek-aspek yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • perayaan, adat dan tradisi; dan • cerita rakyat.
3. Hubungan	Untuk membangunkan dan mengukuhkan ikatan kanak-kanak dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat dalam aspek-aspek yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • menyertai perayaan, adat dan tradisi secara aktif; • menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan harian; dan • berkongsi mengenai pengalaman mempelajari Bahasa Ibunda.

Untuk memenuhi visi, dan mencapai objektif dan matlamat pembelajaran Bahasa Ibunda, guru-guru boleh menimbangkan tiga perkara utama untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda yang berkualiti.

1. Bahasa ibunda ialah bahasa yang hidup untuk kanak-kanak

Apabila kanak-kanak mendengar dan menggunakan bahasa ibunda dalam pelbagai konteks dan keadaan autentik, bahasa ibunda akan dapat menjadi suatu bahasa yang hidup kerana mereka dapat melihat kaitan bahasa ibunda dengan rutin dan pengalaman harian mereka di dalam dan di luar persekitaran sekolah. Bahasa ibunda juga boleh digunakan untuk memperkenalkan dan menjelaskan konsep dalam sesuatu bidang pembelajaran. Tambahan pula, bahasa ibunda digunakan untuk menonjolkan aspek-aspek tertentu dalam budaya Melayu dan etnik tempatan; contohnya, kanak-kanak ditunjukkan cara yang sesuai untuk menyapa orang dewasa.

2. Pengajaran Bahasa Ibunda perlu memenuhi keperluan pelbagai pelajar

Terdapat pelbagai peringkat keupayaan bahasa ibunda dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Di dalam satu kelas yang sama, ada kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan bahasa ibunda yang terhad manakala ada juga kanak-kanak yang fasih bertutur dalam bahasa ibunda. Oleh itu, guru-guru perlu mengambil kira latar belakang bahasa di rumah dan keupayaan bahasa kanak-kanak semasa merancang kegiatan. Hal ini penting agar strategi pengajaran di dalam bilik darjah dapat dibezakan supaya kanak-kanak mempunyai pengalaman pembelajaran Bahasa Ibunda yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

3. Pembelajaran Bahasa Ibunda bersifat aktif dan interaktif serta dilakukan dalam suasana yang autentik

Pembelajaran Bahasa Ibunda hendaklah dilakukan secara aktif dan interaktif. Kanak-kanak boleh menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan, guru-guru dan ahli keluarga mereka. Semasa mereka menyampaikan idea, keperluan dan keinginan dengan menggunakan bahasa ibunda kepada pelbagai golongan, mereka menerima maklum balas yang relevan dan langsung. Komunikasi seseorang kanak-kanak dengan individu yang berbeza dalam pelbagai konteks mengukuhkan perkara-perkara yang telah dipelajarinya atau menyediakan peluang untuk meneroka frasa dan perkataan yang baharu dalam bahasa ibunda. Guru-guru boleh memudah cara pembelajaran kanak-kanak itu dengan menunjukkan contoh yang baik ketika menggunakan bahasa dan menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk berlatih menggunakan bahasa tersebut. Dalam persekitaran yang selamat, guru-guru juga perlu menyediakan peluang pembelajaran yang bermakna dan jelas terutama ketika kanak-kanak membina perbendaharaan kata ketika berkomunikasi secara lisan dan membina kemahiran awal membaca seperti mengenal perkataan-perkataan lazim.

Bahasa dan Literasi dalam Bahasa Melayu pada Peringkat Awal

Bahasa Melayu merupakan Bahasa Kebangsaan Singapura dan salah satu bahasa rasmi di samping bahasa Mandarin, Tamil dan Inggeris. Hal ini menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang perlu diajarkan kepada kanak-kanak ketika mereka berada pada peringkat prasekolah lagi.

Untuk merancang pengalaman pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berkesan, guru-guru haruslah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- **Titik Permulaan Pembelajaran Kanak-kanak** - Mulakan dengan perkara-perkara yang diketahui dan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak sebelum bergerak kepada sesuatu yang baharu; contohnya, pengalaman menaiki bas sebelum mereka berbincang tentang pengalaman menaiki kapal terbang.
- **Bahan dan Aktiviti yang Sesuai** - Gunakan bahan dan aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak prasekolah; contohnya, menggunakan plastisin sebelum menggunakan doh tepung untuk kegiatan membuat kuih.
- **Aktiviti yang Bermakna dan Autentik** - Berikan peluang kepada kanak-kanak melakukan sesuatu yang dapat dialami secara langsung seperti membuat layang-layang, melakukan pembayaran di kaunter juruwang sebuah pasar raya atau menyaksikan kacang hijau tumbuh menjadi kecambah (tauge).

Waktu Kurikulum

Kefasihan untuk berbahasa biasanya dikaitkan dengan kekerapan seseorang itu menggunakan bahasa tersebut. Begitu juga halnya dengan kanak-kanak prasekolah. Untuk memberikan peluang kepada mereka menggunakan bahasa Melayu secara berterusan, pihak sekolah disarankan agar menyediakan waktu kurikulum yang membolehkan kanak-kanak belajar Bahasa Melayu sekerap mungkin.

Waktu kurikulum yang disarankan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah seperti yang tertera dalam jadual berikut.

Jadual 5: Waktu Kurikulum

Peringkat Prasekolah	
Waktu Seminggu	5 jam
Jumlah Minggu Setiap Penggal	10 minggu
Jumlah Waktu Setiap Penggal	50 jam
Jumlah Penggal Setiap Tahun	4 Penggal

PERSEDIAAN PERANCANGAN DAN PEMBELAJARAN

Merancang Sekitaran untuk Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Sekitaran pembelajaran yang kondusif boleh menggalakkan dan meluaskan pembelajaran Bahasa Ibunda kanak-kanak.

Terdapat tiga aspek yang perlu dipertimbangkan semasa merancang sekitaran pembelajaran:

- **sekitaran fizikal**
- **sekitaran interaksi**
- **sekitaran temporal**

Sekitaran Fizikal

Sebuah ruang khas di pusat prasekolah dan bilik darjah boleh digunakan untuk memaparkan pelbagai bahan, maklumat dan sumber yang berkaitan dengan Bahasa Ibunda untuk membangkitkan minat kanak-kanak. Permainan bahasa, buku bergambar serta sumber digital yang memenuhi keperluan pembelajaran bahasa kanak-kanak boleh diletakkan di tempat yang mudah dicapai oleh kanak-kanak. Hasil kerja kanak-kanak juga boleh dipaparkan dan selalu dikemaskinikan supaya kanak-kanak boleh menilai semula sesuatu yang telah dihasilkan. Hal ini juga memberi mereka peluang berasa bangga dengan perkara-perkara yang telah dicapai. Selain itu, suatu ruang di bilik darjah boleh dijadikan pusat pembelajaran untuk mengukuhkan pembelajaran Bahasa Ibunda mereka.

Sekitaran Interaksi

Sekitaran interaksi merujuk aspek-aspek sosial dan emosi kanak-kanak dalam sekitaran tersebut. Kanak-kanak di dalam kelas sentiasa melihat dan mendengar apa-apa sahaja yang diucapkan dan dilakukan oleh guru. Dalam persekitaran positif yang memberikan sokongan dan pemupukan, kanak-kanak boleh mengambil risiko, meneroka dengan yakin dan membuat keputusan. Sekitaran seperti ini adalah penting dalam membantu kanak-kanak menjadi penutur bahasa ibunda yang yakin.

Sekitaran Temporal

Sekitaran temporal merujuk masa yang dirancang dan tidak dirancang, rutin dan peralihan antara kegiatan. Pengalaman pembelajaran Bahasa Ibunda untuk kanak-kanak boleh dilanjutkan untuk merangkumi rutin dan peralihan ini. Guru harus menggunakan setiap peluang dan ruang pembelajaran untuk belajar Bahasa Ibunda walaupun dalam sekitaran yang tidak dirancang.




Penggunaan bahan bercetak menggalakkan pembelajaran aktif.

KANDUNGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU YANG DIAJARKAN

Tema Pelajaran Bahasa Melayu

Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dijalankan dengan berpandukan tema. Tema-tema ini memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk mengenal diri sendiri sebelum belajar tentang orang dan tempat di sekeliling mereka di Singapura dan selanjutnya di peringkat dunia. Hal ini dirancang berdasarkan Teori Sistem Ekologi (Bronfenbrenner, 1979) yang menerangkan bahawa perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh interaksi kanak-kanak dengan keluarga, rakan, masyarakat dan persekitaran, dan konteks sosio-budaya yang lebih luas seperti yang tercatat dalam rajah di bawah ini.

Rajah 2: Penyusunan Tema




Sumber: MOE. (2012b). Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal: Rangka Kerja Kurikulum untuk Tadika di Singapura (Semakan), ms. 13

Kemahiran Bahasa

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, dua aspek yang dianggap penting dalam membina kecekapan berbahasa seperti yang terdapat dalam rajah berikut.

Rajah 3: Kecekapan Bahasa



Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kemahiran Bahasa Melayu merujuk empat kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pada peringkat prasekolah, kanak-kanak mempelajari Bahasa Melayu agar mereka boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan berkesan. Justeru pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah akan memberikan tumpuan kepada kemahiran Mendengar dan Bertutur.


Kanak-kanak perlu mendengar cara sebutan bahasa Melayu digunakan untuk membolehkan mereka menggunakan dalam pertuturan; contohnya, guru mengajar dengan menggunakan sebutan baku. Dengan cara ini, kanak-kanak akan cuba meniru sebutan yang digunakan. Mereka juga memerlukan peluang menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan orang lain. Apabila kanak-kanak berpeluang menggunakan bahasa Melayu ketika bermain dengan rakan-rakan mereka atau orang di sekeliling mereka, kanak-kanak dapat menggunakan bahasa Melayu dalam konteks autentik dan bermakna. Contohnya, apabila mereka bergilir ketika berbual, mereka akan memahami intonasi, gerak tubuh dan ekspresi wajah.

Umumnya, kanak-kanak menjalani empat fasa ketika mempelajari sesuatu bahasa (Holdaway, 1979), termasuk bahasa Melayu, iaitu:

Jadual 6: Empat Fasa ketika Mempelajari Bahasa

Pemerhatian	Dalam fasa ini, kanak-kanak hanya memerhatikan sahaja. Mereka tidak berbual semasa pelajaran dijalankan atau ketika bermain dengan rakan-rakan. Mereka memerhatikan dan belajar apabila guru dan rakan-rakan mereka menggunakan bahasa untuk menyampaikan maksud dan berkomunikasi dengan orang lain.
Pelibatan	Kanak-kanak mengambil bahagian dalam main peranan, perbualan atau perbincangan dengan bimbingan guru.
Latihan	Kanak-kanak berlatih untuk menggunakan bahasa apabila diberikan peluang oleh guru dalam pembelajaran.
Penggunaan	Kanak-kanak berasa yakin dan secara kendiri menggunakan bahasa dengan orang lain untuk menyampaikan gagasan atau pandangan.

Oleh itu, aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu perlu memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk membina kemahiran berbahasa untuk menyampaikan buah fikiran dalam bahasa Melayu.



Nilai-nilai murni boleh diterapkan melalui aktiviti membaca.

Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak termasuklah:

Mendengar

Mendengar dengan pemahaman

- Memahami mesej dan arahan yang mudah
- Memahami idea utama dalam perbualan

Bertutur

Bertutur untuk menyampaikan maksud

- Memberitahu keperluan dan keinginan peribadi
- Bertanya dan memberikan respons kepada soalan-soalan yang mudah
- Berkongsi pengalaman peribadi dengan orang lain
- Menyertai perbualan yang ringkas dan mudah

Kemahiran Membaca

Pada masa yang sama, kanak-kanak juga mempelajari kemahiran-kemahiran bahasa yang membolehkan mereka menguasai kosa kata dan membaca dengan bantuan guru dalam bahasa Melayu. Kanak-kanak membina kemahiran membaca dengan membuat hubung kait makna yang terdapat pada bahan bercetak. Contohnya, kanak-kanak belajar tentang tajuk buku, penulis dan pelukis seperti yang terdapat pada kulit buku dan arah yang ditunjuk ketika membaca buku, termasuk cara membelek buku dan menyelak halaman buku.

Mengenal perkataan dan membaca dengan bantuan

- Mengenal perkataan-perkataan lazim
- Mempunyai kesedaran mengenai bahan cetak dan buku
- Menunjukkan pemahaman pada isi cerita atau puisi

Kemahiran Menulis

Ketika kanak-kanak melakukan aktiviti dalam kelas Bahasa Melayu, mereka juga perlu melakukan tugas-tugas yang memerlukan mereka memegang, mengawal dan menggunakan alat tulis seperti pena penanda, pensel, krayon dan pensel warna. Kebolehan ini termasuklah:

- membuat tanda;
- melukis simbol; dan
- menulis abjad/perkataan untuk melambangkan idea.

Terdapat dua kategori utama pramenulis, iaitu:

- penulisan mekanikal; dan
- penulisan ekspresif.

Penulisan mekanikal ialah pembentukan abjad, frasa atau ayat untuk menghasilkan bentuk tulisan yang boleh dibaca. Peralatan yang sesuai seperti krayon, kapur tulis, pensel dan kertas kosong pelbagai jenis, saiz dan warna harus disediakan. Peralatan ini akan memberikan peluang kepada kanak-kanak mencuba dan meneroka.

Penulisan ekspresif merujuk pengalaman kanak-kanak yang dirakamkan dalam bentuk lukisan atau/dan penulisan. Kanak-kanak diharap akan dapat menjelaskan secara lisan dalam bentuk perkataan, frasa atau ayat mengenai idea-idea atau maklumat apabila ditanya oleh rakan-rakan atau guru. Bergantung pada tahap keupayaan kanak-kanak, guru boleh meminta kanak-kanak menyalin atau menulis dalam bentuk perkataan, frasa atau ayat selepas mereka menjelaskan hasil kerja tersebut.



Semasa melakukan aktiviti penulisan, guru boleh meminta kanak-kanak memberikan respons kepada soalan-soalan mudah.

Pengetahuan Bahasa

Untuk membina kemahiran asas bahasa dan literasi, kanak-kanak perlu memperoleh **lima sistem bahasa** dalam bahasa Melayu iaitu: **Fonologi, Morfologi, Sintaksis, Semantik** dan **Pragmatik**.

Fonologi (Bunyi)

Kanak-kanak diajarkan kebolehan melahirkan bunyi, menyebut perkataan dan ayat. Contohnya, bunyi vokal dan konsonan, bunyi sebutan perkataan (sebutan baku) dan menyebut binaan ayat bahasa Melayu. Pengetahuan tentang bunyi dan sebutan membantu kanak-kanak mengenal pasti penggunaan sesuatu huruf atau suku kata dalam perkataan. Selain itu, pengetahuan ini membantu kanak-kanak belajar untuk membatangkan perkataan berdasarkan bunyi huruf dan suku kata.

Morfologi (Perkataan)

Kanak-kanak diajarkan perkataan baharu dalam bahasa Melayu. Perkataan yang dekat dengan kehidupan kanak-kanak diperkenalkan dahulu seperti saya, emak, bapa, makan dan kerusi sebelum memperkenalkan perkataan yang jarang dilihat atau didengari oleh kanak-kanak seperti cicit, piut, moyang dan buyut. Pendedahan kanak-kanak pada perkataan baharu juga merupakan satu peluang mengukuhkan lagi kemahiran membaca kanak-kanak agar mereka belajar mengenal dan mengeja sesuatu perkataan bukan melalui kaedah menghafal.

Sintaksis (Ayat)

Kanak-kanak diajar membina ayat. Bermula dengan gabungan dua perkataan dan bertambah bilangannya di peringkat umur yang lebih tinggi. Contohnya:

Saya duduk.

Saya mahu duduk.

Saya mahu duduk di situ.

Semantik (Makna)

Semantik merujuk makna perkataan dan ayat. Perkataan yang konkret seperti ‘kerusi’ dan ‘rumah’ difahami dahulu sebelum perkataan abstrak seperti ‘hilang’ dan ‘cari’. Hal ini juga berkaitan dengan kebolehan memahami cerita yang disampaikan.

Pragmatik (Konteks)

Kanak-kanak diajar menggunakan bahasa yang sesuai dengan konteks dan dapat menggunakan ungkapan biasa seperti ‘Selamat pagi’, ‘Terima kasih’ atau bahasa yang sesuai dengan suasana dan konteks perbualan.

Penerapan Nilai Murni dan Budaya

Penerapan nilai murni dan budaya dalam pendidikan Bahasa Melayu sangat penting untuk memastikan kanak-kanak menjadi insan yang berhemah tinggi. Nilai murni boleh diterapkan, diserapkan dan disebatikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Empat nilai teras ini termasuklah **bertanggungjawab, hormat-menghormati, penyayang** dan **kejujuran**.

Guru-guru Bahasa Melayu peringkat prasekolah diharap akan dapat menerapkan nilai-nilai ini dalam pengajaran dan pembelajaran agar kanak-kanak berupaya mengenali budaya Melayu. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai-nilai ini haruslah dilaksanakan secara terancang dan sistematik sama ada secara langsung atau tidak langsung. Guru digalakkan agar menyerlahkan nilai yang relevan dalam kandungan pengajaran atau dalam tingkah laku kanak-kanak supaya nilai-nilai teras ini akan dapat dihayati dengan lebih baik. Contohnya, guru boleh memberikan kata galakan seperti ‘Awak menunjukkan sifat bertanggungjawab dengan membersihkan tempat ini. Syabas!’

Yang berikut merupakan penerangan ringkas tentang empat nilai teras.

1. **Hormat-menghormati** membolehkan kanak-kanak untuk:

- mengenal pasti nilai intrinsik, menghargai dan menerima orang di sekeliling mereka tanpa mementingkan latar dan kebolehan mereka; dan
- menunjukkan rasa hormat dan berbudi bahasa dari segi pertuturan dan kelakuan mereka kepada orang lain.

2. **Bertanggungjawab** membolehkan kanak-kanak untuk:

- menjadi seorang yang boleh diharap dan dipercayai, dapat memenuhi janji dan menerima akibat daripada perbuatan dan kata-kata mereka; dan
- berasa bangga akan perbuatan mereka dan memastikan bahawa tugas yang dilakukan sempurna. Mereka tidak akan membuat alasan atau menyalahkan orang lain apabila sesuatu yang tidak diingini berlaku.

3. **Penyayang** membolehkan kanak-kanak untuk:

- memahami keperluan orang lain dan menunjukkan empati serta sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada rakan atau sesiapa yang memerlukan; dan
- menunjukkan rasa sayang dan mengambil berat terhadap orang lain serta memberikan bantuan kepada rakan dan orang di sekeliling mereka.

4. **Kejujuran** membolehkan kanak-kanak untuk:

- memahami bahawa bersifat jujur merupakan suatu perkara yang betul; dan
- bercakap benar berdasarkan perkara yang benar-benar terjadi. Mereka akan menerima akibat atas perbuatan yang dilakukan dan dapat belajar daripada kesalahan.

Kecekapan Sosial dan Emosi

Selain penerapan nilai, kita juga harus menggunakan peluang ini untuk memastikan perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai kesedaran diri akan dapat mengenal pasti kekuatan dan kebolehan mereka. Dengan kebolehan menguruskan diri, emosi dan kelakuan, kanak-kanak akan dapat membina hubungan positif dengan orang lain dan membuat keputusan dengan lebih baik.

Yang berikut merupakan **lima domain kecekapan sosial dan emosi** yang menyumbang kepada kesejahteraan diri dan sosial kanak-kanak:

1. Kesedaran Diri

boleh mengenal pasti emosi, pemikiran, nilai dan matlamat diri mereka. Hal ini akan membina pemahaman mereka terhadap diri sendiri.

2. Pengurusan dan Kawalan Diri

boleh mengawal emosi, pemikiran dan kelakuan, mencapai kesejahteraan diri, menunjukkan perbuatan yang positif dan memilih untuk menjadi seorang yang terbaik.

3. Kesedaran Sosial dan Menghormati Kepelbagai

boleh membangunkan empati, kognitif dan emosi, memahami perspektif orang daripada latar belakang dan budaya berlainan, dan menjadi lebih sensitif kepada persekitaran sosial dan keperluan orang lain.

4. Pengurusan Hubungan dengan Keluarga, Rakan dan Orang Lain

boleh membina dan mengekalkan hubungan positif dengan orang lain mengikut norma dan budaya masyarakat tersebut. Mereka juga membina sifat empati dengan mempraktikkan cara untuk mengambil perspektif berbeza dan memahami kesan kelakuan mereka terhadap orang lain.

5. Membuat Keputusan

dapat menggunakan sebab-sebab yang berlandaskan moral dan pertimbangan berdasarkan nilai untuk membuat keputusan.

Kelima-lima kecekapan sosial dan emosi boleh dibangunkan dalam diri kanak-kanak melalui matlamat pembelajaran dan pengetahuan, kemahiran dan kesediaan belajar.

Kesediaan Belajar Kanak-kanak

Selain nilai teras, guru juga harus memupuk kesediaan belajar dalam diri kanak-kanak. Kesediaan belajar merupakan tingkah laku dan sikap positif yang perlu ada sebelum kanak-kanak mula belajar. Dengan memupuk kesediaan belajar seperti yang tersenarai di bawah ini, kanak-kanak secara tidak langsung berasa seronok ketika belajar.

Perseverance - **Ketabahan**

- Ketabahan membolehkan kanak-kanak untuk melakukan kerja secara berterusan untuk menyelesaikan sesuatu aktiviti.
- Kanak-kanak dengan sikap tabah tidak mudah tawar hati dan berputus asa walaupun menghadapi sesuatu yang payah.

Reflectiveness - **Reflektif**

- Keupayaan reflektif membolehkan kanak-kanak untuk memikirkan perkara yang telah dilakukan, dilihat, didengari dan dirasa melalui pengalaman mereka.
- Kanak-kanak yang mempunyai sikap reflektif akan memikir semula pengalaman pembelajaran dan memikirkan cara alternatif untuk memperbaik pembelajaran mereka.

Appreciation - **Penghargaan**

- Sifat menghargai sesuatu membolehkan kanak-kanak untuk melakukan tugas secara berkumpulan dan belajar daripada orang lain kerana mereka akur yang semua orang dapat menyumbangkan idea.
- Kanak-kanak yang menunjukkan sifat menghargai sesuatu akan mendengar pandangan orang lain dan menghargai sumbangan mereka.

Inventiveness - **Inventif**

- Sikap daya reka membolehkan kanak-kanak untuk mempunyai pemikiran yang anjal dan menghasilkan penyelesaian yang pelbagai apabila menghadapi masalah.
- Kanak-kanak dengan sikap daya reka akan meneroka apabila melakukan tugas untuk mendapatkan cara yang berlainan dan kreatif.

Sense of Wonder and Curiosity – **Rasa Hairan Dan Ingin Tahu**

- Sifat ingin mencari jawapan dan ingin tahu membolehkan kanak-kanak untuk meluahkan rasa kagum dan teruja akan pembelajaran.
- Kanak-kanak yang bersifat ingin mencari jawapan dan ingin tahu menunjukkan minat akan dunia, tempat mereka tinggal, dan tidak takut untuk menanyakan soalan serta meneroka perkara baru.

Engagement - **Keterlibatan**

- Keterlibatan membolehkan kanak-kanak untuk sentiasa fokus dan mempunyai minat yang mendalam serta melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran.

Kanak-kanak yang melibatkan diri akan memberikan tumpuan, berasa seronok ketika belajar dan bermotivasi untuk belajar. Mereka bertanggungjawab terhadap pembelajaran dan melakukan yang terbaik.

MATLAMAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN, SERTA KESEDIAAN BELAJAR BAHASA MELAYU

Kanak-kanak prasekolah yang mempelajari Bahasa Melayu diharap akan dapat mencapai tiga matlamat pembelajaran Bahasa Melayu:

Matlamat Pembelajaran 1

Menunjukkan minat dan seronok untuk mempelajari Bahasa Melayu

Matlamat Pembelajaran 2

Membangunkan kemahiran, pengetahuan asas bahasa dan literasi Bahasa Melayu

Matlamat Pembelajaran 3

Mempunyai kesedaran dan mengenal budaya etnik tempatan

Untuk mencapai matlamat pembelajaran ini, pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan utama haruslah dipupuk dalam diri kanak-kanak.

Memahami Matlamat Pembelajaran

Matlamat Pembelajaran 1

Menunjukkan minat dan seronok untuk mempelajari Bahasa Melayu

Kanak-kanak yang mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu akan terdorong untuk melibatkan diri dalam kegiatan yang menggunakan bahasa Melayu. Bagi matlamat pembelajaran ini, terdapat dua pengetahuan, kemahiran atau kecenderungan utama seperti berikut:

1.1 Membangunkan minat untuk menyertai kegiatan Bahasa Melayu (contohnya mendengar cerita, bernyanyi, berlakon)

Kanak-kanak akan menyertai kegiatan Bahasa Melayu secara aktif dengan lisan dan pergerakan jika kegiatan-kegiatan yang dirancang itu relevan dengan kehidupan mereka. Peluang yang pelbagai harus diberikan agar mereka berupaya untuk bertanya, memerhati, meneroka dan menimba pengalaman secara langsung (*first-hand experience*).

1.2 Membangunkan minat untuk melihat buku-buku dan bahan-bahan bercetak dalam bahasa Melayu

Kanak-kanak boleh menunjukkan minat terhadap aktiviti bahasa Melayu melalui beberapa cara. Salah satu kegiatan adalah dengan membaca buku bahasa Melayu. Ketika membaca, mereka akan melihat gambar-gambar dengan teliti, memberikan komen atau bertanya tentang cerita tersebut. Selain itu, keseronokan yang dinikmati dapat dilihat melalui tingkah laku dan respons mereka terhadap kegiatan pembelajaran tersebut.



Pembelajaran kanak-kanak boleh diperhatikan apabila mereka sedang memegang buku dengan cara yang betul.

Jadual 7:**Matlamat Pembelajaran, Pengetahuan/Kemahiran/Kecenderungan Utama dan Contoh**

Matlamat Pembelajaran 1: Menunjukkan minat dan seronok mempelajari Bahasa Melayu	
Pengetahuan/ Kemahiran/Kesediaan Belajar Memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk:	Pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang dapat diperhatikan, contohnya*, apabila mereka ...
1.1 Membangunkan minat untuk menyertai kegiatan Bahasa Melayu (contohnya, mendengar cerita, bernyanyi, berlakon)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut pergerakan dalam lagu, bermain permainan dan/atau memberikan respons kepada cerita yang dibacakan kepada mereka (contohnya, berbual tentang sesuatu, melukis, melakonkan cerita) • Meminta bantuan dalam pembelajaran semasa kegiatan Bahasa Melayu • Bertanya soalan semasa kegiatan Bahasa Melayu • Berusaha/Mencuba untuk memulakan perbualan dengan menggunakan bahasa Melayu • Meminta untuk dibacakan cerita atau dinyanyikan lagu dan/atau puisi dalam bahasa Melayu • Memberikan perhatian dan membuat hubungan mata semasa mendengar cerita dan lagu atau berbual dengan orang lain • Menyebut frasa-frasa yang menarik dalam lagu atau puisi, atau membuat pergerakan berdasarkan lagu tersebut • Membina perkataan, frasa atau ayat secara lisan • Bertutur tentang pengalaman belajar yang dijalankan dalam bahasa Melayu

1.2 Membangunkan minat untuk melihat buku-buku dan bahan-bahan bercetak dalam bahasa Melayu

- Memilih bahan bacaan bahasa Melayu sewaktu membaca pada masa lapang
- Menunjukkan minat terhadap buku-buku (contohnya, melihat gambar-gambar di dalam buku secara dekat, memberikan komen atau bertanya soalan mengenai cerita tersebut)
- Berkongsi dengan kawan-kawan tentang perkara yang disukai tentang buku yang dibaca
- Menarik perhatian kawan atau orang dewasa kepada bahan cetak, lagu dan/atau permainan dalam bahasa Melayu yang diketahui oleh mereka, atau yang boleh didapati dalam persekitaran mereka

*Contoh pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang diberikan tidak terhad dan bukan untuk umur tertentu sahaja. Guru-guru mempunyai fleksibiliti untuk menyediakan peluang pembelajaran yang sesuai berdasarkan keperluan pembangunan dan minat kanak-kanak.

Contoh Aktiviti

Contoh 1	Membangunkan minat untuk menyertai kegiatan Bahasa Melayu
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak berasa seronok semasa melakukan aktiviti senaman

Aktiviti

Tunjukkan cara melakukan pergerakan mudah kepada kanak-kanak dan galakkan mereka mengikut pergerakan tersebut. Gunakan perkataan atau frasa mudah untuk menerangkan pergerakan yang dilakukan.

*Nota: Kanak-kanak berasa seronok melakukan aktiviti ini di luar bilik darjah. Pada masa yang sama, mereka juga akan terdedah kepada perkataan dalam bahasa Melayu yang dapat meningkatkan penguasaan kosa kata mereka.



Kesediaan
Belajar
(Keterlibatan)

Tip Pengajaran Pembezaan

Soalan seperti, "Apakah yang patut kita lakukan dengan kaki dan tangan kita?" boleh diajukan kepada kanak-kanak yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan bahasa Melayu yang lebih tinggi.



Contoh 2	Membangunkan minat untuk melihat buku-buku dan bahan-bahan bercetak dalam bahasa Melayu
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak memilih buku yang diminati dan berkongsi dengan kawan-kawan tentang perkara yang menarik perhatian mereka

Aktiviti

Minta kanak-kanak memilih buku yang diminati oleh mereka. Galakkan mereka meneka jalan cerita buku tersebut dengan melihat ilustrasi pada kulit buku. Selepas mendengar cerita buku tersebut, minta kanak-kanak mengundi halaman yang paling digemari oleh mereka dengan mengangkat tangan. Ajak kanak-kanak untuk berkongsi tentang halaman yang disukai mereka.



Kesediaan
Belajar
(Keterlibatan)

Tip Pengajaran Pembezaan

Galakkan kanak-kanak yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu menunjukkan bahagian buku yang disukai mereka. Jelaskan dalam bahasa Melayu jikalau kanak-kanak itu menggunakan bahasa Inggeris untuk menerangkan bahagian tersebut.



Matlamat Pembelajaran 2

Membangunkan kemahiran, pengetahuan asas bahasa dan literasi Bahasa Melayu

Kanak-kanak yang mempunyai kemahiran asas bahasa dan literasi boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan yakin. Bagi matlamat pembelajaran ini, terdapat empat pengetahuan, kemahiran atau kecenderungan utama.

2.1 Mendengar dengan pemahaman

Kanak-kanak boleh membezakan bunyi dan boleh memahami perkara yang didengar apabila mereka:

- 2.1.1 memahami mesej dan mengikuti arahan yang mudah; dan
- 2.1.2 memahami idea utama dalam perbualan.

2.2 Bertutur untuk menyampaikan maksud

Kanak-kanak bertutur dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan sesuatu maksud:

- 2.2.1 memberitahu keperluan dan keinginan peribadi;
- 2.2.2 bertanya dan memberikan respons kepada soalan-soalan yang mudah; dan
- 2.2.3 berkongsi pengalaman peribadi dengan orang lain.

2.3 Mengenali perkataan dan membaca dengan bantuan

Kanak-kanak juga mempelajari asas kemahiran membaca dengan bantuan guru dalam bahasa Melayu. Kanak-kanak membina kemahiran membaca dengan membuat hubung kait makna yang terdapat pada bahan bercetak. Buku Besar, carta dan buku-buku cerita boleh digunakan sebagai permulaan ketika berbincang mengenai sesuatu tema untuk membolehkan kanak-kanak:

- 2.3.1 mengenali perkataan-perkataan lazim;
- 2.3.2 mempunyai kesedaran mengenai bahan cetak dan buku; dan
- 2.3.3 menunjukkan pemahaman terhadap cerita dan puisi.

Pembacaan juga berkaitan dengan pengetahuan fonologi dan morfologi. Pada peringkat fonologi, kemahiran kanak-kanak dibina dalam aspek mengenali huruf-huruf, bunyi sebutan vokal dan konsonan, dan sebutan suku kata dalam perkataan. Sewaktu peringkat fonologi, kanak-kanak boleh didedahkan kepada makna perkataan yang disebut dan dibaca. Hal ini bertepatan dengan kajian Ehri (1986, 1994), Gill (1992) dan Henderson (1990) yang menyatakan bahawa kanak-kanak memahami binaan ejaan secara berperingkat. Proses ini bermula daripada tahap asas mengenali huruf dan sebutan huruf kepada tahap mengaitkan sebutan huruf dengan sesuatu perkataan. Kemudian mereka mengaplikasikan pengetahuan tentang bunyi sebutan huruf dan suku kata untuk menyebut perkataan sebelum mereka belajar memahami makna perkataan berdasarkan konteks. Hal ini bererti pengetahuan mengenal dan mengeja sesuatu perkataan memerlukan kemahiran fonologi dan morfologi asas yang kukuh bukan mengeja melalui kaedah ingatan hafalan pandang.

2.4 Membuat tanda, melukis simbol dan menulis abjad dan/atau perkataan untuk melambangkan idea

Ketika kanak-kanak melakukan aktiviti dalam kelas Bahasa Melayu, mereka juga perlu melakukan tugas-tugasan yang memerlukan mereka memegang, mengawal dan menggunakan alat tulis seperti pena penanda, pensel, krayon dan pensel warna. Kebolehan ini termasuklah membuat tanda, melukis simbol dan menulis abjad/perkataan untuk melambangkan idea.

Terdapat dua kategori utama pramenulis, iaitu penulisan mekanikal dan penulisan ekspresif. Penulisan mekanikal melibatkan pembentukan abjad, frasa atau ayat untuk menghasilkan bentuk tulisan yang boleh dibaca. Peralatan yang sesuai seperti krayon, kapur tulis, pensel dan kertas kosong pelbagai jenis, saiz dan warna harus disediakan. Penulisan ekspresif pula digunakan untuk merakamkan pengalaman kanak-kanak dalam bentuk lukisan dan/atau penulisan. Kanak-kanak dapat menjelaskan secara lisan mengenai idea-idea atau maklumat apabila ditanya. Kanak-kanak juga boleh menyalin atau menulis selepas menjelaskan hasil kerja mereka. Justeru aktiviti yang dirancang harus membolehkan kanak-kanak:

2.4.1 menyalin abjad/huruf/perkataan dengan memahami cara asas penulisan; dan

2.4.2 menunjukkan pemahaman tentang simbol, lukisan dan tulisan pada halaman ialah satu cara menerangkan maklumat mengenai suatu topik.



Aktiviti membaca bersama-sama rakan dapat meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak dan membantu kanak-kanak membina kemahiran asas literasi.

Jadual 8:**Matlamat Pembelajaran, Pengetahuan/Kemahiran/Kecenderungan Utama dan Contoh**

Matlamat Pembelajaran 2: Membangunkan kemahiran, pengetahuan asas bahasa dan literasi Bahasa Melayu	
Pengetahuan/ Kemahiran/Kesediaan Belajar Memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk:	Pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang dapat diperhatikan, contohnya*, apabila mereka ...
2.1 Mendengar dengan pemahaman 2.1.1 Memahami mesej dan mengikuti arahan yang mudah 2.1.2 Memahami idea utama dalam perbualan	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan respons dengan bahasa tubuh yang sesuai apabila nama mereka dipanggil (contohnya, hubungan mata, mengangguk, menggunakan isyarat tangan) • Mengikut satu atau dua langkah arahan lisan • Melakukan pergerakan dan tindakan yang sesuai semasa menyanyikan lagu atau membaca puisi • Memberikan respons kepada mesej ringkas atau idea utama perbualan melalui bahasa tubuh yang sesuai (contohnya, hubungan mata, gerak isyarat, ekspresi wajah dan/atau menggunakan perkataan-perkataan yang mudah)
2.2 Bertutur untuk menyampaikan maksud 2.2.1 Memberitahu keperluan dan keinginan peribadi 2.2.2 Bertanya dan memberikan respons kepada soalan-soalan yang mudah 2.2.3 Berkongsi pengalaman peribadi dengan orang lain	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan frasa sapaan lazim (contohnya, "Selamat pagi", "Selamat tinggal") • Menggunakan sebutan satu atau dua perkataan dengan gerak isyarat untuk meluahkan keperluan dan keinginan • Membuat pengenalan ringkas dengan memperkenalkan nama dan umur mereka • Menamakan objek yang biasa dilihat di sekeliling mereka (contohnya, objek di sekitar rumah, pusat prasekolah dan kejiranannya) • Mengemukakan soalan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai orang yang dikenali di sekeliling mereka (contohnya, ahli keluarga, kawan-kawan dan jiran-jiran)

	<ul style="list-style-type: none"> • Berkongsi pengalaman dengan orang lain menggunakan frasa-frasa mudah atau dengan bimbingan (contohnya, bersiar-siar bersama keluarga, melawat sambil belajar, melihat dan/atau membaca buku/menonton program televisyen kegemaran mereka) • Menyampaikan pesanan ringkas kepada keluarga, guru dan kawan-kawan • Mengambil bahagian dalam perbualan ringkas • Menggunakan nada dan kelantangan suara yang sesuai semasa bertutur (contohnya, bertutur dengan sopan)
<p>2.3 Mengenali perkataan dan membaca dengan bantuan</p> <p>2.3.1 Mengenali perkataan-perkataan lazim</p> <p>2.3.2 Mempunyai kesedaran mengenai bahan cetak dan buku</p> <p>2.3.3 Menunjukkan pemahaman terhadap cerita dan puisi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal abjad/huruf dan/atau perkataan dalam bahasa Melayu yang biasa dilihat dalam bilik darjah, pusat prasekolah (contohnya, perkataan pada label, tembok kata, buku) dan di kejiranan (contohnya, papan tanda kedai dan poster) • Mengenal nama mereka sendiri • Memegang buku dengan cara yang betul • Menunjukkan perkataan pertama di dalam halaman buku cerita untuk memberitahu guru permulaan pembacaan • Menunjuk ke arah abjad/huruf dan/atau perkataan semasa guru membacakan cerita • Mempunyai kesedaran terhadap beberapa ciri bahan cetak bahasa Melayu seperti bunyi enam vokal dan 21 konsonan dalam bahasa Melayu • Memberikan respons pada cerita yang dibacakan melalui gerak isyarat (contohnya, mengangguk, menggeleng) dan mimik muka (contohnya, senyum, ketawa atau mengerut muka) sebagai respons terhadap interaksi harian dan cerita atau puisi yang dibacakan dalam bahasa Melayu • Bercerita mengenai watak kegemaran mereka dalam cerita tersebut (contohnya, sebab mereka suka akan watak tersebut) atau bahagian cerita yang digemari

	<ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan semula kejadian utama dalam cerita tersebut • Menyusun beberapa kejadian dalam cerita mengikut urutan (contohnya, dengan melukis atau meletakkan gambar mengikut urutan yang betul) • Menggunakan gambar (contohnya, lukisan buku, kad gambar mudah, foto) sebagai petunjuk untuk bertutur mengenai maksud perkataan atau frasa yang mudah
<p>2.4 Membuat tanda, melukis simbol dan menulis abjad/huruf dan/atau perkataan untuk melambangkan idea</p> <p>2.4.1 Menyalin abjad/huruf/perkataan dengan memahami cara asas penulisan</p> <p>2.4.2 Menunjukkan pemahaman tentang simbol lukisan dan tulisan pada halaman ialah satu cara menerangkan maklumat mengenai sesuatu topik</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan postur yang betul dan memegang pensel/ pena penanda dengan cara yang sesuai • Mencuba untuk menyurih huruf mengikut urutan berdasarkan apa-apa yang diperhatikan • Membuat bentuk seperti abjad dan/atau huruf dengan menyurih bentuknya pada pasir dan melalui lukisan jari dan sebagainya • Menggunakan pensel dan/atau pena penanda untuk membuat coretan dan bentuk huruf • Menggunakan simbol untuk melambangkan idea (contohnya, melukis bulatan untuk bulan, segi tiga atau segi empat untuk sandwic) • Menjelaskan secara lisan idea atau maklumat dengan perkataan atau frasa yang disampaikan dalam bentuk penulisan yang berbeza apabila ditanya oleh kawan-kawan atau guru

*Contoh pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang diberikan tidak terhad dan bukan untuk umur tertentu sahaja. Guru-guru mempunyai fleksibiliti untuk menyediakan peluang pembelajaran yang sesuai berdasarkan keperluan pembangunan dan minat kanak-kanak.

Contoh 3	Mendengar dengan pemahaman
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak dapat mendengar dan mengikut arahan dalam permainan “Patung”.

Aktiviti

Tunjukkan kepada kanak-kanak video atau gambar patung. Terangkan patung dan permainan yang akan dimainkan oleh mereka. Kemudian, mainkan muzik rancak. Kanak-kanak akan menari ketika muzik dimainkan. Apabila muzik dihentikan, kanak-kanak akan berhenti menari dan tidak bergerak seperti patung. Kanak-kanak yang tidak bergerak dalam jangka masa yang terlama akan menjadi pemenang permainan.

Nota: Aktiviti ini dapat membina kemahiran fungsi eksekutif, kawalan rencatan (*inhibitory control*) kanak-kanak. Apabila kanak-kanak cuba untuk tidak bergerak dan berbual, mereka belajar untuk mengawal diri mereka.



Tip Pengajaran Pembezaan

Bagi kanak-kanak yang belum memahami arahan dalam bahasa Melayu, gunakan isyarat visual seperti gambar atau video untuk menerangkan cara permainan. Kurangkan atau tiadakan isyarat visual setelah kanak-kanak memahami arahan mudah dalam bahasa Melayu.



Contoh 4	Bertutur untuk menyampaikan maksud
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak dapat bertutur dan menjawab soalan mudah tentang aktiviti Kraf Marmar.

Aktiviti

Tunjukkan cara kanak-kanak melakukan Kraf Marmar. Terangkan langkah-langkah tersebut secara mudah:

- pilih tiga warna yang kamu suka;
- tuangkan cat air warna tersebut ke atas kertas;
- gunakan putik kapas untuk campurkan cat warna tadi;
- lipat kertas menjadi setengah; dan
- buka kertas yang dilipat dan tunggu sehingga cat air kering.

Tanyakan soalan mudah untuk mendapatkan pendapat kanak-kanak tentang perkara yang dilihat dan dilakukan oleh mereka. Yang berikut merupakan soalan yang boleh ditanya:

- Mengapakah kamu memilih warna itu?
- Apakah yang akan terjadi jikalau cat-cat warna dicampur?
- Apakah yang akan terjadi jikalau kertas ini dilipat?
- Mengapakah kita harus menunggu sehingga cat air kering?

Nota: Galakkan kanak-kanak untuk melihat hasil kraf rakan-rakan. Ajak mereka katakan satu sebab mereka suka akan kraf rakan mereka. Hal ini akan memupuk kesediaan belajar penghargaan dalam diri kanak-kanak.



Kemahiran Sosial dan Emosi (Kesedaran Sosial)

Tip Pengajaran Pembezaan

Sebelum menunjukkan cara melakukan aktiviti kraf, terangkan nama bahan-bahan yang diperlukan. Galakkan kanak-kanak menyebut nama bahan-bahan tersebut ketika melakukan aktiviti kraf tersebut.



Contoh 5	Mengenali perkataan dan membaca dengan bantuan
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak dapat mengenali perkataan tentang makanan yang kerap dilihat oleh mereka.

Aktiviti

Ajak kanak-kanak menghasilkan menu untuk pelawat dari luar negara. Minta mereka mencadangkan makanan yang boleh dihidangkan kepada pelawat tersebut. Selepas menulis nama makanan tersebut, minta kanak-kanak mengambil Kad Kata dengan perkataan yang menerangkan tentang makanan. Contohnya, sedap, manis, panas, masin. Kemudian, minta mereka meletakkan Kad Kata yang dipilih di sebelah nama makanan.

Selepas memadankan Kad Kata dengan nama makanan, kanak-kanak boleh memainkan peranan. Mereka boleh mengenalkan makanan dan rasa makanan tersebut kepada rakan yang memainkan peranan sebagai pelawat dari luar negara.

Nota: Gunakan peluang ini untuk mengenalkan kanak-kanak tentang makanan Melayu dan bukan Melayu yang terdapat di Singapura. Hal ini akan meningkatkan kesedaran kanak-kanak tentang budaya yang berlainan di Singapura melalui makanan yang berbeza. Kanak-kanak juga dapat dipupuk dengan nilai hormat-menghormati nilai dan budaya yang berlainan.



Kemahiran Sosial dan Emosi (Kesedaran Sosial)

Tip Pengajaran Pembezaan



Adalah penting untuk memastikan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai peranan masing-masing ketika menjalankan aktiviti tersebut. Galakkan kanak-kanak untuk menyebut perkataan yang dilihat pada menu dan Kad Kata. Bantu dan berikan perancangan kepada kanak-kanak yang menghadapi kepayahan membaca perkataan tersebut.

Contoh 6	Membuat tanda, melukis simbol dan menulis abjad/huruf dan/atau perkataan untuk melambangkan idea
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak dapat menyalin frasa atau ayat mudah untuk menyampaikan perasaan mereka.

Aktiviti

Ajak kanak-kanak berjalan-jalan di sekeliling pusat untuk melihat perkara yang dilakukan oleh para pekerja pembantu. Kanak-kanak menceritakan cara pekerja membantu mereka. Jelaskan kepada kanak-kanak tentang pentingnya mengucapkan terima kasih kepada para pekerja pembantu. Galakkan kanak-kanak untuk mencadangkan cara mereka boleh mengucapkan terima kasih. Tuliskan ucapan yang dicadangkan oleh mereka. Ajak kanak-kanak membuat kad ucapan terima kasih dengan menyalin ucapan yang dicadangkan tadi dan menghiaskan kad masing-masing.

Nota: Berikan peluang kepada kanak-kanak untuk menyampaikan kad ucapan yang dihasilkan kepada para pekerja pembantu. Hal ini akan membantu kanak-kanak untuk memupuk nilai penyayang dalam diri mereka kepada orang-orang di sekeliling mereka.



Kemahiran Sosial dan Emosi
(Kesedaran Sosial)

Tip Pengajaran Pembezaan

Kanak-kanak yang masih membina kemahiran motor halus mereka akan diajak untuk menyalin perkataan mudah, (contoh; Terima kasih) dan bukan frasa atau ayat mudah.



Penilaian dapat membantu kanak-kanak menghargai dan menyakini kebolehan diri sendiri.

Matlamat Pembelajaran 3

Membangunkan kesedaran dan mengenali budaya etnik tempatan

Pembelajaran Bahasa Melayu berkait rapat dengan tradisi dan adat resam. Aspek budaya dan nilai moral yang sering digambarkan dalam cerita-cerita yang didengar harus diserlahkan agar kanak-kanak dapat mengenali budaya Melayu.

3.1 Mengenali adat dan tradisi budaya etnik tempatan

Kanak-kanak sudah mula sedar akan identiti bangsa dan kumpulan etnik mereka pada peringkat yang awal. Hal ini membantu kanak-kanak memahami identiti mereka. Mereka harus berpeluang untuk mengalami kegiatan budaya masyarakat Melayu dan tempatan.

3.2 Berinteraksi dengan keluarga, kawan-kawan dan masyarakat

Penggunaan bahasa Melayu tidak terbatas dalam kelas Bahasa Melayu sahaja. Selain guru, kanak-kanak perlu diberikan peluang sebanyak mungkin untuk berinteraksi dengan kawan-kawan, keluarga dan masyarakat Melayu agar bahasa Melayu menjadi bahasa yang hidup dalam diri kanak-kanak.



Pelibatan kanak-kanak secara aktif penting dalam pemerolehan bahasa Melayu.

Jadual 9: Matlamat Pembelajaran, Mengenali Budaya Etnik Tempatan

Matlamat Pembelajaran 3: Membangunkan kesedaran dan mengenali budaya etnik tempatan	
Pengetahuan/ Kemahiran/Kesediaan Belajar Memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk:	Pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang dapat diperhatikan, contohnya*, apabila mereka ...
3.1 Mengenali adat dan tradisi budaya etnik tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Bertanyakan soalan tentang perayaan budaya (contohnya, cara jamuan dan/atau pencuci mulut tradisional disediakan) • Menceritakan semula, melukis atau main peranan mengenai watak dan cerita tradisional • Menyatakan pemikiran dan/atau idea mengenai adat dan tradisi (nilai budaya) yang digambarkan dalam cerita, puisi dan/atau peribahasa • Berkongsi maklumat tentang cara adat istiadat yang relevan dengan konteks Singapura (contohnya, adat dan amalan tempatan berkenaan dengan perayaan sesuatu kaum etnik) • Meneroka budaya etnik tempatan melalui aktiviti yang berkaitan dengan budaya, kembara pembelajaran dan artifak
3.2 Berinteraksi dengan keluarga, kawan-kawan dan masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Mempamerkan tingkah laku yang sesuai dengan budaya di dalam dan di luar bilik darjah (contohnya, menggunakan bahasa yang sesuai untuk menyapa dan memberikan salam kepada orang lain dan menghormati orang tua) • Bertanyakan soalan mudah untuk mengetahui latar belakang dan minat ahli keluarga mereka dengan lebih lanjut

- Berkongsi pengalaman peribadi dengan orang lain dengan menggunakan frasa yang mudah (contohnya, lagu dan/atau makanan kegemaran, perjumpaan keluarga sewaktu perayaan)
- Mengambil bahagian dalam aktiviti yang menggalakkan budaya etnik tempatan (contohnya, perayaan etnik, persembahan budaya yang sesuai) yang dianjurkan oleh masyarakat (contohnya, kelab masyarakat, Lembaga Perpustakaan Negara, Lembaga Warisan Negara)

*Contoh pembangunan dan pembelajaran kanak-kanak yang diberikan tidak terhad dan bukan untuk umur tertentu sahaja. Guru-guru mempunyai fleksibiliti untuk menyediakan peluang pembelajaran yang sesuai berdasarkan keperluan pembangunan dan minat kanak-kanak.

Contoh 7	Mengenali adat dan tradisi budaya etnik tempatan
Objektif Pembelajaran	Kanak-kanak dapat mengenali cara perayaan tradisional disambut oleh datuk dan nenek mereka pada waktu dahulu.

Aktiviti

Selepas kanak-kanak melalui perayaan tradisional, ajak kanak-kanak bertanya kepada datuk dan nenek mereka cara perayaan itu disambut pada waktu dahulu. Pada keesokan hari, minta kanak-kanak berkongsi tentang perkara yang disampaikan oleh datuk dan nenek mereka. Galakkan kanak-kanak untuk bertutur tentang persamaan dan perbezaan sambutan dahulu dan sekarang.



Nota: Kanak-kanak digalakkan menelefon datuk dan nenek mereka jika mereka tidak tinggal bersama-sama. Mereka juga boleh menghubungi pak cik atau mak cik mereka yang sudah berumur untuk mendapatkan informasi yang diingini.

Tip Pengajaran Pembezaan

Tulis nota kepada ibu bapa untuk menggalakkan kanak-kanak bertanyakan soalan kepada datuk dan nenek mereka. Nota tersebut boleh diterjemahkan kepada bahasa Inggeris untuk ibu bapa yang tidak mahir berbahasa Melayu.





Guru boleh mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu dan melakukan aksi yang sesuai.

GURU SEBAGAI PEMUDAH CARA

Keberkesanan pendidikan prasekolah bergantung pada pelaksanaan guru yang memahami, menghayati dan mampu melaksanakan tugas mereka seperti yang dihasratkan.

Faktor-faktor Utama untuk Pengajaran

Danielson (2007) telah membina Rangka Kerja untuk Pengajaran yang boleh dijadikan sebagai panduan bagi guru meningkatkan keberkesanan dalam perancangan serta pelaksanaan pengajaran. Rangka kerja ini mengandungi empat faktor (domain) utama seperti berikut:

Jadual 10: Rangka Kerja Empat Faktor (Domain) Utama

Perancangan dan Persediaan	Domain ini merangkumi semua aspek perancangan pengajaran, bermula dengan pemahaman yang mendalam tentang kandungan dan pedagogi serta penilaian.
Sekitaran Bilik Darjah	Komponen domain ini menekankan sekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pengajaran dan pembelajaran.
Tanggungjawab Profesional	Komponen domain ini termasuk melakukan imbas nilai pengajaran, mengekalkan rekod yang tepat, berkomunikasi dengan keluarga kanak-kanak dan pihak pentadbir pusat prasekolah.
Pengajaran	Domain ini meliputi komponen berkomunikasi dengan kanak-kanak, dan teknik mengajukan soalan dan perbincangan.

Selain itu, guru-guru juga perlu menimbangkan pelbagai teori, pendekatan dan amalan pendidikan awal apabila membuat perancangan untuk membantu mereka menyelaraskan pembelajaran kanak-kanak.

Bagi memudah cara pembelajaran, guru-guru juga boleh menggunakan pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran, termasuk peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan minat kanak-kanak yang berlainan.

Alat-alat teknologi (ICT) memenuhi keperluan dan minat pembelajaran kanak-kanak yang pelbagai. Terdapat tiga prinsip panduan yang digariskan dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di pusat prasekolah (2017) yang memberikan hala tuju yang luas kepada para guru mengenai perkara-perkara yang bermakna dan penggunaan ICT yang sesuai.

Tiga prinsip ini menyatakan bahawa penggunaan ICT di pusat prasekolah harus:

- **melengkapai pengalaman pembelajaran kanak-kanak dan perkembangan yang sesuai;**
- **dimudahkan dan dibimbing oleh guru; dan**
- **berhati-hati dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.**

Prinsip-prinsip panduan ini adalah berdasarkan pemahaman bahawa kanak-kanak belajar dengan sebaik-baiknya apabila mereka melibatkan diri dengan bahan-bahan konkret, turut serta dalam permainan, dan melakukan aktiviti amali dan interaksi yang berkualiti dengan rakan-rakan, guru-guru dan ibu bapa.

Memudahkan Pembelajaran Kanak-kanak Apabila Pembelajaran Secara Semuka Terganggu

Gangguan kepada pengalaman pembelajaran harian secara bersemuka mungkin berlaku semasa krisis nasional atau kecemasan (contohnya, Pandemik COVID-19 dan keadaan jerebu yang berbahaya).

Dalam keadaan seperti itu, guru dan kanak-kanak mungkin tidak hadir secara fizikal di pusat kerana operasi di pusat mereka dihentikan serta ditutup buat sementara waktu. Oleh itu, pusat-pusat dan guru-guru bergantung pada pembelajaran jarak jauh bagi membimbing kanak-kanak dan menggalakkan ibu bapa untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran dari rumah.

Justeru pusat dan guru perlu memudahkan pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak dengan membuat pengubahsuaian bagi pelajaran yang ingin sampaikan oleh mereka. Semasa gangguan pada pembelajaran bersemuka, guru boleh menimbangkan perkara berikut untuk menyesuaikan diri dan mengubah suai aktiviti dan cara memudahkan pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak:



Contoh bahan-bahan pengajaran di peringkat prasekolah.

Jangkaan Pembelajaran Dari Rumah

- Kegiatan pembelajaran di rumah atau di luar rumah yang diberikan guru bukanlah bertujuan untuk meniru pengalaman pembelajaran seluruh pusat.
- Kadar pembelajaran yang sama di pusat tersebut tidak dijangkakan bagi pembelajaran jarak jauh.
- Pembelajaran dari rumah perlu dipermudah bagi kanak-kanak, ibu bapa, guru dan pusat dengan mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- ibu bapa bukanlah guru;
- aktiviti pembelajaran perlu dipelbagaikan iaitu aktiviti yang boleh dilakukan kanak-kanak secara kendiri dan aktiviti yang perlu sokongan ibu bapa; dan
- tempoh pembelajaran dari rumah tidak boleh melebihi dua jam sehari. Masa yang diluangkan bagi melihat skrin untuk pembelajaran dari rumah tidak boleh melebihi satu jam dan harus mempunyai masa rehat bagi setiap 10 minit.

Pertimbangan untuk Merancang dan Melaksanakan Pembelajaran dari Rumah

- Guru dan ibu bapa meneruskan usaha untuk menggalakkan interaksi yang sihat dan berkualiti sedaya mungkin.
- Guru dan ibu bapa membuat pertimbangan bidang-bidang pembangunan kanak-kanak seperti kemahiran hidup, kesejahteraan, interaksi sosial, kemahiran mengira dan literasi sebagai sebahagian daripada idea aktiviti pembelajaran dan cadangan bagi kanak-kanak dan ibu bapa;
- Sewaktu penggunaan teknologi dilaksanakan bagi pembelajaran dari rumah, pertimbangkan perkara-perkara seperti:
 - jenis peralatan dan peranti teknologi yang ada dan cara peralatan atau perantian ini digunakan di rumah oleh kanak-kanak;
 - penggunaan teknologi secara aktif oleh kanak-kanak dengan ibu bapa memantau keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak;

Hospital Wanita dan Kanak-kanak (KKH) menyarankan agar waktu melihat skrin untuk kanak-kanak antara 3 tahun hingga 6 tahun tidak melebihi had masa 1 jam.

KKH, 2022


- cara memberikan maklum balas kepada kanak-kanak melalui panggilan telefon atau panggilan video (tidak melebihi jangka waktu 10 minit) bagi aktiviti yang dilakukan oleh mereka dalam talian; dan
 - sokongan kepada guru-guru dan ibu bapa dari aspek teknikal (contoh, cara merakam video dan memuat naik video untuk kanak-kanak dan ibu bapa) dan pedagogi (contoh, cara pembelajaran dari rumah boleh mengimbas kembali perkara-perkara yang sudah dipelajari oleh kanak-kanak).
- d. Apabila kanak-kanak dan guru kembali menjalani pembelajaran secara bersemuka di pusat prasekolah, pertimbangkan perkara-perkara berikut:
- bermain ialah satu cara untuk kanak-kanak mengurus emosi mereka;
 - libatkan diri dalam permainan membantu kanak-kanak mempunyai daya bingkas bagi menghadapi cabaran;
 - interaksi berkualiti antara kanak-kanak dengan guru dapat membina hubungan positif agar membantu untuk melancarkan peralihan mereka dari pembelajaran dari rumah kepada pembelajaran secara bersemuka di pusat prasekolah; dan
 - memberikan ruang kepada guru untuk membuat perhatian dan berkongsi pemerhatian mereka tentang kesihatan fizikal, sosial dan emosi, dan pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak dalam bidang-bidang lain supaya guru dapat merancang pengalaman dan persekitaran pembelajaran bagi merapatkan jurang pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak.



Bermain ialah satu cara kanak-kanak mengurus emosi mereka.

Bab 4

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU



KAEDAH DAN STRATEGI PENGAJARAN

Terdapat banyak kaedah dan strategi pengajaran yang boleh digunakan bagi memudahkan pengajaran Bahasa Melayu. Guru harus membuat pertimbangan yang berikut agar matlamat pengajaran dan pembelajaran mudah dicapai.

Kaedah dan strategi pengajaran yang menarik mampu menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi kanak-kanak. Kanak-kanak memperoleh kefasihan berbahasa Melayu apabila mereka sering berinteraksi dengan rakan sebaya dan orang dewasa. Pemerolehan ini diperkuuh dalam kelas Bahasa Melayu melalui aktiviti yang sesuai.

INTERAKSI BERKUALITI

Interaksi dua hala (Interaksi Memberi dan Menerima) merupakan aspek utama yang mendukung pembinaan struktur dan perkembangan otak yang cerdas (Center on the Developing Child, Harvard University, 2019). Jumlah interaksi berkualiti yang berlaku setiap hari untuk tujuan pengajaran dan sosial memainkan peranan dalam pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak.

Interaksi berkualiti dalam bilik darjah dapat menyemai kemahiran awal bertutur dan menggalakkan komunikasi dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak dan guru-guru terlibat dalam komunikasi berterusan ketika bekerjasama untuk menyiasat sebuah topik, menyelesaikan masalah, menjelaskan konsep atau sekadar bercerita. Guru berperanan sebagai pemudah cara yang membimbing kanak-kanak berinteraksi.

Interaksi berkualiti membolehkan kanak-kanak;

- memperoleh dan membangunkan pengetahuan dan kemahiran bahasa,
- membina dan mengekalkan sifat ingin tahu atau minat terhadap perkara yang dipelajari,
- mempelajari dan memahami, serta berfikir dengan lebih mendalam,
- membuat renungan dan menghubungkaitkan perkara yang telah dipelajari; dan
- membina keyakinan untuk berkomunikasi.

Interaksi berkualiti dapat diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti-aktiviti berikut;

Bacaan Lantang

Guru membaca buku secara lantang dengan tujuan untuk;

- menarik minat kanak-kanak pada cerita dalam bahasa Melayu,
- membantu kanak-kanak memahami cerita yang disampaikan dalam bahasa Melayu,
- membolehkan kanak-kanak bertutur tentang cerita yang didengar; dan
- membantu kanak-kanak memperoleh dan menggunakan kosa kata yang didengar.

Guru perlu merancang dan menyediakan aktiviti-aktiviti bacaan yang sesuai untuk mencapai tujuan pembacaan buku secara lantang.

Pendekatan Membaca Bersama (*Shared Book Approach*)

Guru menggunakan Buku Besar untuk membaca bersama supaya kanak-kanak dapat melihat gambar dan teks serta mengambil bahagian secara aktif dalam pembacaan. Guru akan menggunakan penunjuk untuk menunjukkan gambar dan teks (huruf, perkataan, frasa atau ayat) sewaktu berinteraksi dengan kanak-kanak. Matlamat pendekatan membaca bersama adalah:

- menunjukkan contoh membaca buku yang baik;
- memberikan pengalaman yang menarik minat kanak-kanak kepada buku;
- menggalakkan kanak-kanak untuk menggunakan bahasa Melayu dalam suasana yang selesa;
- mengukuhkan pemahaman tentang cerita yang didengar; dan
- mengajar kemahiran berbahasa Melayu.



Guru memberikan pengalaman yang menarik minat kanak-kanak kepada buku.

Langkah 1

Mengenalkan tema dan konsep yang akan disentuh dalam Buku Besar melalui perbincangan dan memainkan lagu. Contohnya, bagi Buku Besar mengenai Hari Raya, guru bolehlah menayangkan video, memainkan lagu, melukis ketupat atau memperagakan pakaian tradisional Melayu.

**Langkah 2**

Mengenalkan buku, ilustrasi pada kulit buku, tajuk buku, nama penulis dan nama pelukis. Guru membincangkan ilustrasi buku dengan kanak-kanak. Selepas setiap halaman, guru membaca teks yang bercetak dengan menggunakan penunjuk.

**Langkah 3**

Guru membacakan buku sekali lagi tanpa henti. Sekiranya ada pertanyaan, guru bolehlah memberikan respons ringkas agar bacaan tidak terganggu. Kanak-kanak yang sudah mempunyai kemahiran membaca, digalakkan membaca secara lantang bersama-sama guru. Langkah 3 bolehlah diulang beberapa kali sekiranya perlu.

Ketika guru menjalankan langkah-langkah yang disarankan, guru boleh mengambil peluang untuk:

- mengajar kosa kata;
- menggunakan lagu dan puisi;
- main peranan;
- menggunakan permainan bahasa; dan
- menulis bersama.

Berinteraksi dan Bercerita

Sewaktu menjalankan aktiviti bacaan, guru juga boleh memberikan tumpuan kepada interaksi yang berkualiti dengan kanak-kanak dan bercerita kepada mereka. Hal ini boleh diperoleh melalui Pembacaan Dialogik yang melibatkan kanak-kanak dalam pembacaan melalui rangsangan dan soalan-soalan yang digunakan untuk memandu penceritaan. Akronim PEER dan CROWD (Zevenbergen & Whitehurst, 2003) boleh diaplikasikan apabila guru mengajukan soalan-soalan tersebut.

Jadual 11: Akronim PEER


 Prompts	<p>Rangsangan Guru mengajukan soalan rangsangan yang sesuai untuk menyediakan interaksi bermakna.</p> <p>Contoh: “Di manakah tempat ini?”</p>
 Evaluate	<p>Menilai Guru menilai respons kanak-kanak sebelum memberikan maklum balas dengan rangsangan yang sesuai.</p> <p>Contoh: “Ya, ini klinik gigi. Tempat ini di sebuah klinik gigi.”</p>
 Expand	<p>Meluaskan Guru meluaskan respons kanak-kanak agar interaksi berkenaan cerita akan lebih luas dan mendalam agar kanak-kanak juga berfikir tentang isu yang diutarakan.</p> <p>Contoh: “Apakah bezanya klinik biasa dan klinik gigi?” “Ya, di klinik gigi, doktor hanya memeriksa dan membersihkan gigi kita.”</p>
 Repeat	<p>Mengulang Guru mengulang respons kanak-kanak untuk mengukuhkan pemahaman kanak-kanak.</p> <p>Contoh: “Ulang selepas Cikgu. Di klinik gigi, doktor hanya memeriksa dan membersihkan gigi kita.”</p>

Jadual 12: Akronim CROWD

 C Completion Prompts	<p>Melengkapkan (sesuatu)</p> <p>Guru membina soalan yang perlu dilengkapkan dengan perkataan / frasa oleh kanak-kanak.</p> <p>Contoh: “Adam dan bapanya berada di _____.”</p>
 R Recall Prompts	<p>Mengingat kembali</p> <p>Guru bertanya tentang peristiwa atau watak dalam cerita.</p> <p>Contoh: “Bolehkah kamu ingat tentang perasaan Adam sebelum dia berjumpa dengan doktor gigi?”</p>
 O Open-ended Prompts	<p>Menjawab soalan</p> <p>Guru bertanya soalan yang berkaitan dengan gambar dalam buku.</p> <p>Contoh: “Ceritakan perkara yang berlaku dalam gambar ini kepada saya.”</p>
 W WHs Prompts	<p>Bertanyakan soalan WH</p> <p>Guru bertanyakan soalan yang lazimnya bermula dengan 'apa', 'bila', 'di mana', 'mengapa' dan 'bagaimana'.</p> <p>Contoh: “Bagaimanakah perasaan Adam selepas giginya dibersihkan oleh doktor gigi?”</p>
 D Distancing Prompts	<p>Mengaitkan pengalaman</p> <p>Guru mengaitkan buku dengan pengalaman kanak-kanak.</p> <p>Contoh: “Pernahkah kamu ke klinik gigi? Mengapakah kamu ke klinik gigi?”</p>

Interaksi berkualiti boleh diukur dengan menggunakan kaedah *Classroom Assessment Scoring System* (CLASS) (Pianta, La Paro and Hamre, 2008). Dengan cara yang sama, keterlibatan kanak-kanak dalam interaksi berkualiti dapat diukur.

Berdasarkan *Classroom Assessment Scoring System* (CLASS) (Pianta, La Paro and Hamre, 2008), terdapat 3 domain utama yang boleh digunakan untuk memastikan interaksi dan keterlibatan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu sokongan emosi, organisasi bilik darjah dan sokongan pengajaran.

Rajah 4: Gambaran keseluruhan CLASS

Sumber : Pianta, R. C., La Paro, K. M., & Hamre, B. K. (2008).

Classroom Assessment Scoring System™

Sokongan Emosi

Domain ini memberikan fokus kepada sikap guru yang sensitif kepada keperluan kanak-kanak serta menghormati perspektif kanak-kanak. Sikap guru yang sensitif ditunjukkan apabila guru awas dan peka apabila menangani isu pembelajaran kanak-kanak. Apabila guru menghormati perspektif kanak-kanak, guru memberikan perhatian untuk menimbulkan minat, motivasi dan pandangan kanak-kanak, di samping menggalakkan autonomi. Keadaan ini dikukuhkan dengan budaya bilik darjah yang menggalakkan penyertaan dan kata-kata perangsang. Contohnya, guru memberikan kata-kata yang merangsangkan seperti ‘satu percubaan yang baik’ apabila kanak-kanak memberikan respons yang tidak tepat atau di bawah jangkaan.

Organisasi Bilik Darjah

Domain ini memberikan fokus kepada cara guru merancang dan mengurus tiga sekitaran pembelajaran, iaitu sekitaran fizikal, sekitaran interaksi dan sekitaran masa. Hal ini merangkumi cara mengendalikan tingkah laku kanak-kanak, penghasilan yang produktif serta format pengajaran. Guru harus berupaya untuk memantau, menghalang dan mengubah tingkah laku negatif. Penghasilan yang produktif pula dibuktikan dengan pengendalian masa yang baik dan meletakkan rutin dalam pembelajaran kanak-kanak seperti peraturan bilik darjah.

Sokongan Pengajaran

Domain ini memberikan fokus kepada pembangunan konsep, maklum balas yang berkualiti dan model bahasa. Pembangunan konsep menggambarkan interaksi berkualiti apabila pelbagai strategi dan aktiviti dijalankan oleh guru untuk membantu pembangunan kognitif kanak-kanak. Maklum balas yang berkualiti pula berlaku kerana guru-guru memberikan pelbagai respons yang melanjutkan pemahaman dan pembelajaran kanak-kanak. Adanya contoh (model) bahasa yang ditunjukkan guru untuk memantau penggunaan bahasa kanak-kanak turut membuktikan adanya interaksi berkualiti yang berlangsung.

BERMAIN SECARA TERARAH

Bermain merupakan komponen asas dalam kurikulum pelajar pada peringkat awal yang dilihat sebagai sistem yang membantu perkembangan kognitif, emosi dan sosial kanak-kanak (Saracho, 2012). Kanak-kanak dapat menggunakan bahasa semasa bermain untuk membina pengetahuan, mengumpul dan memproses informasi, mempelajari kemahiran yang baharu dan melatih kemahiran yang sedia ada. Bermain juga menjadi aktiviti yang menyeronokkan apabila kanak-kanak dapat belajar mengikut persediaan dan tahap keselesaan mereka sendiri.

Jenis-jenis Aktiviti Permainan

1. Permainan Sendirian (*Solitary Play*)

Seorang kanak-kanak bermain blok binaan secara sendirian, tanpa ada interaksi dengan orang lain. Permainan sendirian ini boleh menimbulkan aktiviti bermain yang simbolik kerana kanak-kanak itu dapat berimajinasi walaupun berseorangan (*Symbolic Play*). Dia dapat menyusun blok tersebut untuk menjadi bangunan-bangunan bagi topik kawasan kejiran. Permainan sendirian juga dapat memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk berlatih sehingga dia mencapai objektif yang ditentukan sendiri, contohnya apabila kanak-kanak bermain berulang kali untuk membina bangunan tanpa menjatuhkan blok binaan (*practice or mastery play*).

2. Permainan Selari (*Parallel Play*)

Dua orang kanak-kanak bermain secara sendirian dengan blok binaan, berhampiran dengan satu sama lain tanpa berinteraksi. Kanak-kanak tersebut masih boleh mengalami permainan secara simbolik atau bermain melalui latihan. Namun, bermain melalui peniruan juga boleh berlaku sewaktu kanak-kanak bermain secara selari. Walaupun kanak-kanak tidak berinteraksi, mereka dapat melihat apa-apa yang sedang dibina oleh rakan mereka. Jika mereka tertarik dengan sesuatu yang dibina oleh rakan mereka, atau merasakan bahawa apa-apa yang dibina oleh rakan mereka lebih menarik, kanak-kanak akan cuba untuk meniru rakan mereka.

3. Permainan Asosiatif

Kanak-kanak bermain dalam aktiviti yang sama tetapi tidak bekerjasama. Guru harus membimbing dan memberikan cadangan. Permainan asosiatif berlaku apabila kanak-kanak bermain bongkah untuk membina sesuatu yang dicadangkan oleh guru tetapi setiap kanak-kanak mempunyai idea dan fokus tersendiri terhadap sesuatu yang ingin dibina. Bermain melalui peniruan, bermain melalui latihan dan permainan simbolik boleh berlaku apabila kanak-kanak sedang membina sesuatu menggunakan bongkah mengikut imaginasi, kreativiti serta pengamatan mereka.

4. Permainan Kolaboratif

Kanak-kanak bekerjasama dan bertolak ansur sewaktu bermain bersama-sama. Permainan kolaboratif berlaku apabila kanak-kanak mempunyai objektif yang sama untuk dicapai. Kanak-kanak mempunyai minat untuk bermain serta mahu berkomunikasi dengan rakan-rakan. Permainan simbolik boleh berlaku sewaktu kanak-kanak sama-sama berimajinasi, contohnya untuk membina sebuah kapal angkasa dengan menggunakan bongkah.

Terdapat pelbagai cara yang boleh diambil apabila guru melaksanakan permainan dalam bilik darjah.



Kanak-kanak bekerjasama dan bertolak ansur sewaktu bermain bersama-sama.

Bermain Secara Terarah

Rajah 5: Kontinum Bermain Secara Terarah



Bermain secara terarah ialah aktiviti pendidikan yang mengekalkan ciri-ciri bermain. Aktiviti ini diharap akan dapat memberikan keseronokan di samping meningkatkan pembelajaran kanak-kanak. Dalam bermain secara terarah, guru memainkan peranan penting. Dengan berpandukan objektif, guru merancang aktiviti bermain untuk kanak-kanak. Guru juga memainkan peranan yang aktif dalam menyokong permainan tersebut (Fleer, 2013).

PENGAJARAN PEMBEZAAN

Setiap bilik darjah terdiri daripada kanak-kanak yang mempunyai profil yang berbeza-beza. Antara sebab kerencaman profil termasuklah minat, kesediaan dan gaya pembelajaran kanak-kanak yang pelbagai. Pengajaran pembezaan merupakan pendekatan yang dapat menjangkau kepelbagaian ini. Justeru guru harus menjalankan pengajaran pembezaan untuk memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak.

Pengajaran pembezaan membezakan kandungan (konsep, prinsip dan kemahiran), proses (strategi dan aktiviti) dan produk (hasil dan cara penilaian) dalam pengajaran bagi kumpulan kanak-kanak yang mempunyai keupayaan yang berbeza-beza.

Yang berikut ialah penerangan ringkas tentang ketiga-tiga perkara ini:

Kandungan

Guru boleh membezakan kandungan atau bahan pengajaran. Contohnya, guru boleh mempelbagaikan bahan bacaan kanak-kanak mengikut tahap kesediaan dan minat mereka. Guru juga boleh mengembangkan pemikiran dan kemahiran kanak-kanak yang telah dapat menguasai kandungan yang diajar dengan kandungan pelajaran yang lebih mencabar.

Proses

Guru boleh membezakan proses dengan menggunakan pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah. Contohnya, guru menggalakkan kanak-kanak yang berkebolehan melakukan aktiviti secara kendiri. Kanak-kanak yang masih belum menguasai kemahiran yang diajarkan, akan diberikan bantuan bagi membolehkan mereka menyelesaikan tugas tersebut.

Produk

Guru perlu mempelbagaikan tugas berdasarkan keupayaan dan minat kanak-kanak. Contohnya, guru boleh membezakan produk dengan meminta kanak-kanak menghasilkan lukisan atau membuat perkongsian secara lisan, bergantung pada kebolehan atau minat mereka.

Pengajaran pembezaan boleh dijalankan melalui aktiviti berikut:

Pusat Pembelajaran

Pusat pembelajaran boleh disediakan di dalam kelas untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif dan kondusif, di samping merangsang pembelajaran kanak-kanak. Pengurusan ruang yang baik dapat membolehkan pembelajaran yang bermakna. Ruang-ruang di dalam


bilik darjah boleh digunakan oleh kanak-kanak secara terancang atau bebas, berdasarkan objektif pengajaran guru.

Aktiviti-aktiviti di setiap pusat pembelajaran memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk mengukuhkan kemahiran berbahasa mereka. Sebagai pemudah cara, guru perlu merancang reka bentuk fizikal bilik darjah dan memastikan kanak-kanak tahu akan peraturan dan rutin sewaktu mereka berada di pusat pembelajaran.

Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran Koperatif merujuk pada penggunaan kaedah kumpulan-kumpulan kecil sama ada secara berpasangan atau berkumpulan bagi mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan bersama. Pembelajaran Koperatif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah membolehkan kanak-kanak daripada pelbagai tahap keupayaan untuk bekerjasama bagi mencapai satu objektif yang sama. Terdapat banyak manfaat apabila guru melaksanakan Pembelajaran Koperatif.

Yang berikut ialah beberapa strategi yang boleh digunakan untuk menjalankan Pembelajaran Koperatif:



CARA LAIN MENJALANKAN PEMBELAJARAN

Pembelajaran di Luar Bilik Darjah (*Outdoor Learning*)

Persekutaran di luar bilik darjah mampu memberikan pengalaman yang lahir secara langsung daripada perangsangan deria kanak-kanak bagi pengalaman pembelajaran diri mereka. Kanak-kanak harus berpeluang untuk menikmati pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah untuk meneroka dan belajar dalam suasana alam sekitar atau ruang di luar bilik darjah yang terbuka seperti taman permainan, taman kejiranan, kebun komuniti atau ruang legar yang luas di luar pusat prasekolah. Pembelajaran di luar bilik darjah boleh merangkumi lawatan ke hutan simpanan semula jadi atau kawasan tasik.

Pembelajaran di luar bilik darjah membolehkan kanak-kanak belajar melalui tiga cara (MOE, 2019):

Pembelajaran di luar bilik darjah

- *Learning in the outdoors*

- Persekutaran digunakan sebagai latar fizikal untuk menjalankan aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak belajar

Pembelajaran mengenai persekitaran di luar bilik darjah

- *Learning about the outdoors*

- Kanak-kanak meneroka dan belajar tentang persekitaran di luar bilik darjah (aspek alam semula jadi, dan orang-orang serta tempat-tempat di masyarakat dan kejiranan)

Pembelajaran melalui persekitaran di luar bilik darjah

- *Learning through the outdoors*

- Guru menggunakan persekitaran untuk menyokong pembangunan menyeluruh kanak-kanak

Kerja Projek (*Project Work*)

Pengajaran berdasarkan projek merupakan suatu pendekatan pembelajaran yang berpusatkan kanak-kanak dan melibatkan guru sebagai pemudah cara. Kanak-kanak akan dapat meningkatkan pengetahuan mereka melalui pertanyaan-pertanyaan berdasarkan perkara yang ingin diketahui. Kanak-kanak membentuk soalan-soalan dan akan mencari jawapan dengan bimbingan guru. Hasil pembelajaran melalui sesbuah projek akan dipamerkan semasa sesi perkongsian.

Pelaksanaan Projek:



BAHAN SOKONGAN PEMBELAJARAN

Kanak-kanak prasekolah meneroka, membesar dan belajar melalui bahan pengajaran yang disediakan. Bahan pengajaran yang baik dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari Bahasa Melayu. Bahan yang dipilih harus menyokong pencapaian matlamat pelajaran yang dirancang dan mengambil kira kesediaan kanak-kanak.

Bahan-bahan Pengajaran

Bahan bercetak boleh digunakan untuk memupuk minat kanak-kanak untuk belajar bahasa Melayu di samping mempelajari kemahiran asas bahasa. Bahan-bahan bercetak termasuk buku besar, buku bacaan, carta dinding, kad lisan dan kad gambar. Buku-buku yang dipilih harus mempunyai tema yang sesuai dan mempunyai kandungan nilai, budaya dan latar tempatan.

Guru juga boleh menggunakan bahan-bahan pameran di dalam bilik darjah sebagai sebahagian daripada bahan-bahan pengajaran.

Bahan maujud (konkrit) yang berupa bahan autentik (bahan yang sebenar) atau contohan model boleh digunakan untuk meningkatkan pemahaman kanak-kanak dan memberikan peluang kepada mereka untuk meneroka melalui pelbagai deria. Guru boleh membawa bahan maujud untuk dijadikan bahan perbincangan dan menarik minat kanak-kanak terhadap tema atau topik yang berkaitan dengan contohan tersebut. Contohnya, bahan-bahan maujud seperti tumbuh-tumbuhan, batu-batu kecil dan serangga boleh digunakan untuk mendedahkan kanak-kanak kepada penerokaan persekitaran mereka.



Penggunaan bahan manipulatif memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk bekerjasama dan menyelesaikan masalah semasa bermain.

Bahan manipulatif merujuk alat permainan kanak-kanak, yang melibatkan kanak-kanak dengan objek itu secara visual dan fizikal. Antara contoh bahan manipulatif ialah gambar, manik-manik dan doh. Bahan-bahan ini memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk melatih koordinasi badan dan meningkatkan keupayaan kemahiran motor halus. Aktiviti ini penting untuk mempersiapkan kanak-kanak dengan kemahiran menulis dan mendedahkan mereka kepada konsep asas seperti warna, saiz dan bentuk. Kanak-kanak juga berpeluang untuk bekerjasama dan menyelesaikan masalah semasa bermain dengan bahan manipulatif.

Muzik dan Pergerakan

Muzik dan nyanyian memainkan peranan penting untuk mempertingkatkan aspek perkembangan dan kemahiran kanak-kanak. Aktiviti nyanyian di dalam kelas memberikan keseronokan kepada kanak-kanak. Nyanyian boleh dilakukan sewaktu mengenalkan konsep, tema dan juga pada bahagian-bahagian pelajaran yang lain. Nyanyian yang disertakan dengan gerakan dan aksi yang berkaitan dapat meningkatkan lagi rasa seronok dalam diri kanak-kanak. Guru harus memilih lagu yang sesuai bagi aktiviti nyanyian tersebut.

Guru boleh:

- memilih lagu kanak-kanak yang mempunyai lirik yang pendek, berulang dan mudah difahami serta melodi yang menarik;
- mengenalkan gerak-geri atau aksi bersama perkataan untuk membantu kanak-kanak memahami dan mengamati perkataan dalam lirik lagu; dan
- menyanyikan atau memainkan lagu berulang kali sebelum mengajak kanak-kanak untuk menyanyikan sambil melakukan aksi yang sesuai.



Aktiviti muzik dan nyanyian yang sesuai boleh meningkatkan keseronokan pembelajaran bahasa Melayu.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

ICT boleh menyokong pembelajaran kanak-kanak dan memperkaya pengalaman pembelajaran apabila digunakan dengan perancangan yang teliti. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah objektif pengajaran, dan keseimbangan antara aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak dengan aktiviti yang dibimbing oleh guru. Guru juga perlu menyediakan bahan-bahan ICT yang pelbagai dan tidak terhad kepada penggunaan komputer dan komputer riba sahaja. Peranti lain yang boleh digunakan termasuk kamera digital, permainan elektronik dan telefon bimbit.

ICT membantu guru untuk membangunkan kecenderungan kanak-kanak untuk belajar dengan meningkatkan harga diri serta keyakinan, atau dengan menyokong sikap berdikari dan ketabahan apabila berdepan dengan cabaran. Penggunaan ICT juga berpotensi untuk menggalakkan keseronokan dalam pembelajaran melalui interaksi, motivasi dan keinginan kanak-kanak untuk belajar dan meneroka.


Namun, kebergantungan yang keterlaluan kepada ICT dapat menimbulkan kesan yang negatif. Guru-guru perlu memantau dan membimbing kanak-kanak sewaktu menggunakan ICT dalam pengajaran.

Rajah 6: Tiga Prinsip Utama Panduan ICT



Bab 5

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN



PERKEMBANGAN HOLISTIK

Perkembangan holistik, perkembangan fizikal, kognitif, linguistik, emosi dan sosial kanak-kanak saling berkaitan, tidak dapat dipisahkan dan saling bergantungan. Menurut Neaum (2019), semua aspek perkembangan kanak-kanak ini berlaku secara serentak dan setiap bidang perkembangannya dipengaruhi oleh yang lain.

Oleh itu, waktu di prasekolah merupakan peluang untuk membentuk kemahiran seperti fungsi eksekutif dan kemahiran mengawal diri yang dibentuk dengan cepat dari usia 3 hingga 7 tahun. Tiga domain fungsi eksekutif dan kemahiran mengawal diri ialah:

- Ingatan Kerja: Membolehkan kanak-kanak menyimpan maklumat di dalam minda dan menggunakan apabila diperlukan
- Kawalan sekatan: Membolehkan kanak-kanak menyekat respons dan kelakuan impulsif
- Fleksibiliti kognitif: Membantu kanak-kanak menganjak perspektif dan pendekatan sesuatu aktiviti atau menyelesaikan masalah dengan cara yang berbeza

Bidang pembelajaran bagi Bahasa dan Literasi dirancang untuk menyokong perkembangan kanak-kanak secara holistik melalui pendekatan pembelajaran bersepadu. Hal ini memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka, menemui dan belajar tentang dunia di sekitar mereka dengan lebih bermakna dan menyeluruh.


PENILAIAN DAN JENIS-JENIS PENILAIAN

Menurut Wortham & Hardin (2016), penilaian ialah proses mengumpulkan maklumat mengenai kanak-kanak daripada beberapa bentuk bukti, kemudian mengatur dan mentafsir maklumat tersebut. Dubiel (2016) menyatakan bahawa tujuan penilaian adalah untuk mengenal pasti tahap pencapaian kanak-kanak, meraikan pencapaian mereka, dan membantu kanak-kanak untuk terus maju ke matlamat seterusnya.

Penilaian pada peringkat prasekolah amat berbeza dengan penilaian yang dijalankan pada peringkat sekolah rendah dan peringkat yang lebih tinggi. Hal ini kerana kadar perkembangan dan pencapaian kanak-kanak pada peringkat prasekolah pelbagai dan pantas. Kanak-kanak prasekolah juga membina pengetahuan dengan lebih mudah apabila mereka melibatkan diri, mengalami sesuatu perkara, berinteraksi dan mempelajari sesuatu yang konkret atau amali. Dengan itu, guru perlu menggunakan pelbagai strategi untuk membantu setiap kanak-kanak mencapai tahap perkembangan mereka yang berbeza.

Jenis-jenis Penilaian

Penilaian dalam pendidikan prasekolah merangkumi dua jenis:



Penilaian formatif merupakan proses memerhatikan kanak-kanak dalam rutin harian mereka dan memahami pemerhatian tersebut serta maklumat yang didapati melalui pemerhatian. Maklumat ini digunakan untuk perancangan pembelajaran kanak-kanak agar mencapai matlamat seterusnya.

Penilaian sumatif pula lebih rasmi dari segi merangkumi koleksi pemerhatian untuk menawarkan ringkasan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.

Bagi kanak-kanak prasekolah, penilaian formatif dan penilaian sumatif haruslah bersifat holistik. Hal ini penting kerana penilaian bagi kanak-kanak prasekolah lebih sesuai dilihat secara holistik supaya guru berupaya:


- mengenal pasti keperluan pembelajaran setiap kanak-kanak;
- memantau perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh; dan
- memberikan maklum balas perkembangan yang menyeluruh kepada kanak-kanak, ibu bapa dan pihak pentadbir pusat prasekolah.

PROSES PENILAIAN

Penilaian untuk kanak-kanak prasekolah harus dijalankan secara berterusan sepanjang tahun sebagai sebahagian daripada rutin mempelajari Bahasa Melayu. Untuk menjadikan pemerhatian kelakuan lebih bermakna, guru juga perlu mengenal pasti tujuan dan alat penilaian yang ingin digunakan. Guru harus bijak memilih alat yang sesuai supaya data yang diperoleh itu dapat membantu guru menyokong pembelajaran kanak-kanak. Berdasarkan maklumat yang dikumpul, guru boleh mengambil tindakan susulan dan memerhati semula kanak-kanak agar mencapai tahap selanjutnya.

Proses penilaian yang dijalankan bersifat putaran seperti yang dipaparkan dalam gambar rajah yang berikut:

Rajah 7: Penilaian Kanak-kanak Pada Peringkat Prasekolah



Memerhatikan kelakuan

Guru perlu memerhati:

- gerak-geri;
- pertuturan;
- kelakuan;
- respons kanak-kanak terhadap pelajaran Bahasa Melayu; dan
- hubungan dengan guru, rakan-rakan dan orang-orang di sekeliling.

Cara membuat pemerhatian:

- Sekerap yang boleh dengan tujuan tertentu;
- Masa yang berbeza ketika kelas Bahasa Melayu dijalankan:
 - awal atau lewat pagi;
 - awal atau lewat petang.
- Tempat yang berbeza:
 - kelas;
 - di luar bilik darjah seperti taman permainan; dan
 - ruang tertentu seperti koridor.

Perkara-perkara yang boleh diperhatikan:

- Corak kelakuan kanak-kanak yang memaparkan semangat untuk belajar Bahasa Melayu
 - Contohnya, kanak-kanak menunjukkan minat untuk menyertai kegiatan dalam kelas Bahasa Melayu; dengan tekun membuat tugas atau rajin bertanya.
- Corak interaksi sosial
 - Mengenal pasti sama ada mereka cenderung untuk melakukan aktiviti di dalam atau di luar bilik darjah secara:
 - › kumpulan besar;
 - › kumpulan kecil; dan
 - › bersendirian.
- Kecenderungan
 - Mengenal pasti minat kanak-kanak
 - › menyanyi;
 - › melukis dan sebagainya.

Merekodkan perkembangan

Setelah guru mengenal pasti perkara yang hendak dinilai dan cara untuk menilainya, guru juga perlu merekodkan maklumat tersebut secara sistematik. Guru boleh merekodkan perbualan, merakam video dan membuat catatan dalam senarai semak atau catatan anekdot. Beberapa perkara yang perlu diambil kira adalah:

- mengenal pasti aktiviti pembelajaran serta peringkat kepayahan aktiviti-aktiviti tersebut agar sesuai dengan kebolehan kanak-kanak;
- membuat keputusan yang produktif ketika merancang pelajaran Bahasa Melayu dengan merancang:
 - cara menyiapkan sudut pembelajaran;
 - aktiviti atau kegiatan yang boleh dilakukan seterusnya;
 - soalan-soalan yang boleh ditanyakan; dan
 - cara merangsang pembangunan kanak-kanak.
- mengajar dengan lebih berkesan dengan:
 - menggunakan maklumat yang dikumpul membuat guru lebih peka dengan strategi yang boleh digunakan dalam pelajaran Bahasa Melayu; dan
 - guru merekodkan perkara-perkara yang berlaku dalam kelas supaya kanak-kanak akan berasa pengalaman pembelajaran penting dan bermakna.



Data boleh dikumpul melalui pemerhatian ketika kanak-kanak sedang bermain.

PENGUMPULAN DAN DOKUMENTASI DATA

Beberapa alat penilaian yang berikut boleh digunakan untuk membantu guru mengikuti perkembangan kanak-kanak:

- **senarai semak**
- **catatan anekdot**
- **catatan terperinci**
- **dokumentasi foto atau video**
- **contohan hasil pembelajaran**
- **portfolio**

Senarai semak

Senarai semak dapat membantu guru merekodkan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan utama yang telah disenaraikan dalam waktu yang singkat tetapi memberikan maklumat yang berguna untuk rujukan guru.

Contoh senarai semak:

No.	Matlamat Pembelajaran	Bukti Perlakuan
1	Mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu	
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyertai kegiatan Bahasa Melayu secara aktif 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengikut pergerakan/menggayakan lagu yang dinyanyikan • Berusaha menggunakan perkataan baharu • Bersedia untuk mengambil bahagian
	<ul style="list-style-type: none"> • Menikmati kegiatan Bahasa Melayu 	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan minat terhadap buku dengan memberikan komen • Menyebut frasa • Bertanya kerana ingin tahu • Kelihatan gembira

Contoh daftar pencapaian:

No.	Nama	Penggal/ Tarikh	Bahan	Matlamat Pembelajaran			Catatan
				Mempunyai minat untuk belajar BM	Membina kemahiran asas bahasa dan literasi	Mengenali budaya etnik tempatan	
1	Naufal bin Ahmad	Penggal 1/14 Mac 2021	Buku Besar (Hilang)	<ul style="list-style-type: none"> memberikan respons apabila dirangsang mengambil bahagian dengan galakan guru 	<ul style="list-style-type: none"> boleh menyebut nama makanan kegemaran berkongsi pengalaman 	<ul style="list-style-type: none"> menggunakan kata ganti nama yang sesuai semasa bertutur 	<ul style="list-style-type: none"> kurang berkeyakinan tetapi sopan gemar bersendiri
		Penggal 3/ 12 Sept 2021	Buku Besar (Lihat Itu!)	<ul style="list-style-type: none"> lebih terbuka, berbual-bual dengan kawan memberikan respons tanpa dipujuk 	<ul style="list-style-type: none"> boleh menyebut nama serangga seperti kupukupu, lipas dan lalat 	<ul style="list-style-type: none"> ucap selamat dan terima kasih 	<ul style="list-style-type: none"> lebih berkeyakinan sudah mulia berkawan bertanyakan soalan dan menjawab soalan tanpa dipanggil

Catatan anekdot

Catatan anekdot merupakan catatan yang ringkas mengenai sesuatu peristiwa atau tindakan yang memberitahu pendidik tentang perkembangan, minat, kemahiran, kebolehan dan keperluan kanak-kanak. Catatan anekdot merangkumi pemerhatian dan analisis pemerhatian.

Catatan			
Nama: _____	Tarikh: _____	Guru: _____	Kelas: _____
Dibantu		Tanpa Dibantu	
Dimulakan oleh Kanak-kanak		Dimulakan oleh Orang Dewasa	
Kendiri	Berpasang	Kumpulan Kecil	Kumpulan Besar

Afiqah memilih untuk membina blok di pusat pembelajaran hari ini. Dia membina mikrofon dengan blok-blok yang disediakan. Dia menggunakan mikrofon binaannya itu dan mula menyanyi.

(Diadaptasi daripada Dubiel, 2016)

Catatan terperinci

Catatan terperinci hampir serupa dengan catatan anekdot. Namun, dalam catatan terperinci, guru merancang fokus dan masa untuk jangka waktu yang tidak lebih dari 10 minit. Guru mencatatkan segala perkara yang dikatakan dan dilakukan oleh kanak-kanak untuk jangka waktu tersebut. Catatan terperinci amat berfokus kegunaannya, seperti mengikuti setiap sebutan kanak-kanak semasa membaca buku cerita. Sama seperti catatan anekdot, catatan terperinci merangkumi pemerhatian dan analisis pemerhatian.

Contoh catatan terperinci:

Catatan terperinci			
Nama: _____	Tarikh: _____		
Guru: _____	Kelas: _____		
Dibantu		Tanpa Dibantu	
Dimulakan oleh Kanak-kanak		Dimulakan oleh Orang Dewasa	
Kendiri	Berpasang	Kumpulan Kecil	Kumpulan Besar
<p>Umairah sedang melihat gambar-gambar yang terdapat dalam Buku Besar ‘Hadiah Ana’. Dia menggunakan jari telunjuknya untuk menunjuk pada gambar-gambar dalam Buku Besar itu.</p> <p>Umairah: Ayah, Ibu, Ana</p> <p>Dia membuka halaman yang lain.</p> <p>Umairah tersenyum melihat gambar Ana diberikan hadiah.</p> <p>Umairah: Hadiah, saya suka!</p> <p>Umairah menyanyikan lagu hari lahir dalam bahasa Inggeris semasa menyelak-nyelak halaman buku.</p>			
Matlamat Pembelajaran		Catatan	
Mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu.		✓	Menunjukkan minat terhadap buku dengan menunjuk pada gambar-gambar yang terdapat dalam buku.
Mempunyai kemahiran, pengetahuan asas bahasa dan literasi.		✓	Boleh menyebut ‘ayah’, ‘ibu’ dan ‘hadiah’.
Mempunyai kemahiran, pengetahuan asas bahasa dan literasi.			
<p>Tindakan lanjut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengajar Umairah menyanyikan lagu hari lahir dalam bahasa Melayu sekali lagi supaya Umairah dapat mengingati lirik lagu yang telah diajarkan kepadanya. 			

Portfolio

Portfolio merupakan pendekatan dokumentasi yang komprehensif. Setiap portfolio boleh mengandungi pelbagai jenis dokumentasi. Portfolio digunakan untuk merekodkan penilaian. Pada masa yang sama, guru dapat mengumpulkan contoh yang sesuai secara sistematik – sama ada untuk setiap topik, pada setiap minggu atau setiap bulan. Contoh-contoh yang dikumpulkan dapat menjadi bukti perkembangan pembelajaran kanak-kanak tersebut.

Proses Pembinaan Portfolio

- Kenal pasti bahagian/aktiviti yang ingin dinilai – melukis, menulis huruf/perkataan/ayat
- Tentukan bentuk tugas yang ingin dikumpulkan – lukisan, gambar, rakaman, audio, kertas latihan menulis dan sebagainya;
- Dapatkan juga maklumat tentang kanak-kanak daripada rakan guru yang lain;
- Tentukan sistem menyimpan dokumen seperti fail, album atau storan digital;
- Kaitkan tugas yang dikumpulkan dengan matlamat pembelajaran Bahasa Melayu;
- Kumpulkan contoh-contoh tugas yang menunjukkan pelbagai kebolehan yang telah dilakukan oleh kanak-kanak; dan
- Kumpulkan data yang dapat menunjukkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.

Untuk memastikan kanak-kanak berkembang secara holistik dalam setiap penggal, pemerhatian dan penulisan portfolio bolehlah berdasarkan ketiga-tiga matlamat pembelajaran untuk Penggal 1 seperti contoh di bawah ini.

Penggal 1

Pemerhatian Guru:

Naufal pendiam dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti kelas. Namun, Naufal boleh memberikan respons dengan menggunakan perkataan baharu apabila diberi galakan semasa perbincangan. Selain itu, dia menunjukkan minat dalam aktiviti yang dijalankan dalam kelas terutama dengan sokongan guru dan teman-teman. Contohnya, dia akan membuat pergerakan semasa guru menyanyikan lagu. Naufal dapat menyebut nama makanan kegemarannya. Dia juga dapat menjawab soalan yang ditanya guru. Naufal juga boleh menyebut sebutan vokal ‘e’ & ‘o’ dan mengecam huruf a-z. Naufal menggunakan kata ganti nama yang sesuai semasa bertutur. Dia menggunakan kata ganti nama ‘saya’ apabila menjawab soalan.

Matlamat
Pembelajaran 1

Matlamat
Pembelajaran 2

Matlamat
Pembelajaran 3

Penggunaan Data untuk Memberikan Maklum Balas

Guru dapat menggunakan maklumat yang dikumpulkan dalam portfolio atau melalui kaedah-kaedah lain untuk memberikan maklum balas kepada kanak-kanak, ibu bapa atau pihak pentadbiran prasekolah.

Kanak-kanak

Guru akan lebih prihatin apabila merancang pelajaran dan menjalankan pelajaran dengan maklumat yang diperoleh tentang kanak-kanak. Dengan cara itu, guru dapat menyediakan bentuk pelajaran yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak dari pelbagai sudut - kognitif, sosial, emosi dan psikologi.

Ibu bapa

Dengan dokumentasi yang dilakukan, guru dapat memberikan maklum balas yang menyeluruh tentang perkembangan kanak-kanak. Bukti-bukti yang dikumpulkan dapat memberikan gambaran kepada ibu bapa mengenai perkembangan dan pencapaian anak-anak mereka. Guru juga boleh memberikan maklumat berkala kepada ibu bapa melalui lelaman pusat prasekolah atau menerusi e-mel kepada ibu bapa, bergantung pada cara pusat prasekolah berhubung dengan ibu bapa.

Pihak pentadbiran

Guru perlu menyimpan rekod untuk membuat laporan kepada pihak pentadbiran prasekolah. Dengan dokumentasi perkembangan kanak-kanak, guru berupaya mengenal pasti kekuatan dan kelemahan berdasarkan kelakonan kanak-kanak apabila melakukan kegiatan pelajaran yang disediakan.



Guru berpengalaman boleh menjadi mentor kepada guru baharu.

Mengambil Tindakan Susulan Berdasarkan Keperluan Kanak-Kanak

Tujuan utama pengumpulan data adalah untuk membolehkan guru mengubah suai pelajaran atau strategi pengajaran. Contohnya, berdasarkan data yang dikumpulkan, guru membuat keputusan untuk memberikan bimbingan khusus kepada kanak-kanak tertentu atau mengubah suai aktiviti agar menepati keperluan pembelajaran kanak-kanak.

Melibatkan ibu bapa

Ibu bapa harus dijadikan rakan kongsi dalam proses penilaian anak-anak mereka. Hal ini dapat dilakukan dengan memberikan maklum balas dan berbincang sekerap yang mungkin tentang perkembangan anak-anak mereka berdasarkan penilaian yang dilakukan. Dengan informasi tersebut, ibu bapa boleh diberikan galakan dan tip tentang cara menyokong pembelajaran anak mereka.

Melibatkan kanak-kanak

Kanak-kanak boleh dilibatkan dalam penilaian. Contohnya, mereka boleh menilai sejauh mana mereka sudah membesar dengan mengukur ketinggian mereka pada permulaan tahun dan penghujung tahun. Guru juga boleh berbincang tentang minat dan keimbangan kanak-kanak secara peribadi atau berkumpulan. Kanak-kanak juga boleh memberikan pandangan tentang hasil tugas yang dilakukan oleh mereka atau rakan mereka dengan menggunakan kriteria mudah seperti menandakan tugas dengan jumlah bintang dan sebagainya.



Penilaian perkembangan kanak-kanak boleh dilakukan ketika mereka sedang bermain dan berinteraksi.

Bab 6

**MEMBINA KOMUNITI
PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU
YANG RANCAK**



PEMBENTUKAN SEKITARAN MESRA BAHASA DI SEKOLAH

Pemerolehan bahasa di peringkat awal bukan hanya bergantung kepada kegiatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kemahiran dan keupayaan berbahasa Melayu ini juga dapat dibina dan dikukuhkan dengan pendedahan dan pengalaman bahasa kanak-kanak dengan keluarga, sekolah dan masyarakat. Menurut Bronfenbrenner (1979), perkembangan kanak-kanak merupakan sistem perhubungan kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai peringkat persekitaran sekeliling. Oleh itu, amat penting bagi kita membina komuniti pembelajaran yang rancak untuk mewujudkan persekitaran yang dapat meningkatkan interaksi yang berkualiti, saling menyokong dan bekerjasama untuk memaksimumkan perkembangan bahasa kanak-kanak. Hal ini bererti semakin kerap kanak-kanak mendengar orang sekeliling menggunakan bahasa Melayu, semakin baik penguasaan bahasa mereka. Hal ini dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa Melayu.

Pelibatan Guru dalam Pembentukan Komuniti Pembelajaran

Guru boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan komuniti pembelajaran Bahasa Melayu. Selain meraih peluang mengikuti bengkel dan persidangan, guru-guru boleh juga menghadiri atau mengambil bahagian dalam perkongsian profesional, penempatan kerja atau program penempatan di pusat-pusat prasekolah yang lain. Hal ini dapat meluaskan peluang mereka untuk melakukan pemerhatian dan refleksi. Antara soalan-soalan refleksi yang boleh digunakan termasuk:

- Apakah yang telah dapat dilaksanakan dengan baik dan dapat dijadikan lebih baik?
- Adakah kanak-kanak meraih pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan? Jika ya, apakah bukti yang diperhatikan?
- Adakah kanak-kanak diberikan peluang dan masa untuk memberikan idea dan respons? Jika ya, apakah bukti yang diperhatikan?
- Adakah kanak-kanak dapat menyertai pembelajaran dengan aktif? Jika ya, apakah bukti yang diperhatikan?
- Adakah terdapat kanak-kanak yang menghadapi kesukaran atau berasa gelisah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran? Jika ya, apakah langkah yang harus diambil seterusnya?
- Apakah pengetahuan, kemahiran atau kecendurungan utama (KSD) yang kanak-kanak raih di akhir sesi pembelajaran hari ini? Jika ya, apakah bukti yang telah diperhatikan?

Selain itu, guru boleh meminta rakan sejawatan untuk melakukan pemerhatian dan mendapatkan maklum balas serta bimbingan daripada mereka.

Guru harus memupuk budaya saling menyokong dan bekerjasama dengan guru-guru yang lain di pusat prasekolah yang sama dan juga pusat prasekolah yang lain. Contohnya, semasa menghadiri kursus dan bengkel Bahasa Melayu, guru boleh menjalinkan hubungan profesional dengan guru yang lain untuk terus saling menyokong dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini dapat menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat dan membina jaringan yang lebar untuk mendapatkan peluang berkongsi dan membina bahan yang dapat digunakan bagi meningkatkan mutu pembelajaran kanak-kanak. Dengan ini, guru dapat membina komuniti pembelajaran profesional.

HUBUNGAN ANTARA SEKOLAH DENGAN RUMAH

Pembelajaran dari Rumah

Pelibatan ibu bapa dan ahli keluarga yang aktif dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dapat mengukuhkan perkembangan bahasa mereka. Terdapat kajian menunjukkan bahawa pelibatan ibu bapa dan ahli keluarga boleh memberikan kesan positif dalam perkembangan bahasa kanak-kanak (Niehaus & Adelson, 2014). Oleh itu, pelibatan ibu bapa dan ahli keluarga yang aktif dalam pembelajaran kanak-kanak dapat memupuk sikap bersungguh-sungguh dalam pembelajaran di samping menunjukkan tingkah laku yang baik dan seimbang.

Hal ini juga dikukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Raudhah Yahya (2015). Menurut beliau, antara perkara yang dapat dilakukan oleh guru termasuk:

- mewujudkan saluran berkomunikasi dua hala;
- memberikan maklumat kepada ibu bapa mengenai anak mereka dari masa ke masa secara lisan atau melalui saluran yang ditetapkan oleh pusat prasekolah. Perkongsian boleh dilakukan secara formal dan tidak formal agar guru dan ibu bapa lebih memahami dan dapat memantau perkembangan kanak-kanak dengan lebih baik;
- memberikan gambaran yang terperinci mengenai perkembangan kanak-kanak melalui portfolio;
- berkongsi mengenai pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan dan yang akan dijalankan melalui e-buletin;
- berkongsi atau memberikan saranan sumber pembelajaran yang sesuai; dan
- menyediakan bahan-bahan yang boleh digunakan untuk aktiviti bersama keluarga di rumah.

Selain itu guru juga boleh memberikan masukan atau saranan tambahan untuk membantu ibu bapa dan keluarga menjalankan kegiatan-kegiatan kebahasaan yang menyeronokkan.

Bagi keluarga yang berkeupayaan rendah dalam bahasa Melayu, guru boleh memberikan saranan kepada mereka untuk:

- menetapkan masa untuk mereka bersama-sama menikmati lagu atau cerita kanak-kanak dalam bahasa Melayu di Internet;
- menonton cerita dalam talian atau secara langsung yang dianjurkan badan-bahan bahasa dan budaya;
- menyertai kegiatan bahasa Melayu di perpustakaan;
- menyertai kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan pembelajaran Bahasa Melayu yang dianjurkan oleh pusat prasekolah dan badan-badan masyarakat; dan
- mengukuhkan pembelajaran dan amalan yang dipelajari seperti mengucapkan 'selamat pagi' dan 'terima kasih'.

KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

Bagi ibu bapa yang mempunyai kepakaran, mereka boleh:

- menyumbangkan masa, kepakaran dan/atau menjadi sumber rujukan atau melibatkan diri dalam projek kanak-kanak supaya mereka akan lebih prihatin dengan pembelajaran anak-anak mereka di pusat prasekolah;
- membantu dalam aktiviti seperti bercerita atau menyertai lawatan yang dirancang oleh pihak sekolah;
- menjadi ahli jawatankuasa prasekolah; dan
- memberikan maklumat kepada ibu bapa yang lain dari masa ke masa.

J. Cummins (2000) menyatakan bahawa mudah bagi kanak-kanak mengalami kehilangan bahasa di peringkat awal. Kanak-kanak yang membesar dalam persekitaran yang menggunakan bahasa ibunda secara kerap biasanya tidak melupakan bahasa ibundanya. Oleh itu, penting bagi ibu bapa menggunakan bahasa ibunda di rumah agar dapat menyediakan peluang bagi kanak-kanak meluaskan fungsi dan konteks penggunaan bahasa ibunda mereka.



Ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pembelajaran anak mereka.

PELIBATAN MASYARAKAT DALAM USAHA UNTUK MENGGALAKKAN PENGGUNAAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Selain itu, pelibatan masyarakat dalam pendidikan awal kanak-kanak juga memainkan peranan yang penting dalam menyokong pemerolehan bahasa kanak-kanak. Menurut Rohani Abdullah (2007) masyarakat melibatkan ahli keluarga jauh dan dekat, serta golongan yang berkepentingan dan bertanggungjawab dalam kebijakan kanak-kanak seperti sekolah, jiran serta masyarakat di sekeliling mereka.



Organisasi seperti Lembaga Perpustakaan Negara dapat mengayakan persekitaran bahasa dengan menyediakan bahan bacaan termasuk bahan-bahan elektronik atau kegiatan-kegiatan bahasa seperti sesi bercerita dengan kanak-kanak, bengkel menggalakkan pembacaan dalam kalangan ibu bapa atau pertandingan-pertandingan bahasa bagi kanak-kanak hingga remaja. Hal yang sama boleh dijalankan bersama-sama sekolah, ibu bapa dan badan-badan bahasa dan budaya Melayu yang lain seperti Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) dan Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB). Selain itu, badan-badan ini juga menyokong usaha-usaha menulis dan menerbitkan bahan-bahan bacaan bagi kanak-kanak.

Kanak-kanak juga dapat meraih pengalaman pembelajaran budaya dan bahasa melalui pendedahan mereka terhadap acara atau bahan-bahan budaya yang terdapat dalam pameran yang dikendalikan oleh seniman atau badan-badan seni tempatan. Muzium juga boleh menjadi tempat yang dapat menawarkan peluang pembelajaran mengenai budaya tempatan dan serantau.

Secara keseluruhan, selain guru dan ibu bapa, orang-orang yang berkepentingan dalam masyarakat juga boleh memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan penggunaan dan pembelajaran bahasa dan meningkatkan motivasi mereka untuk menikmati proses pembelajaran bahasa di sekolah. Pepatah Afrika yang menyebut, “Usaha untuk mendidik seorang anak memerlukan kerjasama seluruh desa” menuntut seluruh anggota masyarakat bertanggungjawab mendidik kanak-kanak agar dapat membesar dalam keadaan selamat, sihat, harmoni dan berupaya berbakti kepada masyarakat apabila mereka dewasa kelak. Kerjasama dan jalinan hubungan yang kukuh ini penting untuk membangunkan dan mengukuhkan komuniti pembelajaran Bahasa Melayu yang rancak, bak kata pepatah Melayu, ‘bersatu kita teguh, bercerai kita roboh’.

Rujukan dan Glosari

- Cummins, J. (2000). *Language, Power and Pedagogy: Bilingual Children in The Cross Fire*. Clevedon, England: Multilingual Matters.
- Dubiel, Jan (2016). *Effective assessment in the early years foundation stage*. Los Angeles: SAGE.
- Kementerian Pendidikan, Singapura (MOE). (2014). *Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal, Kurikulum untuk Tadika di Singapura, Rangka Kerja untuk Bahasa Ibunda*. Singapura: Cawangan Pendidikan Prasekolah, MOE.
- Neaum, S. (2019). *Child development for early years students and practitioners*. London: SAGE.
- Palaiologou, I. (2016). *Child Observation* (4th ed.). SAGE Publications.
- Pianta, R. C., La Paro, K. M., & Hamre, B. K. (2008). *Classroom Assessment Scoring System™: Manual K-3*. Paul H Brookes Publishing.
- Plowman, L., Stephen, C., Downey, S., & Sime, D. (2006, February). *Supporting Learning with ICT in Pre-school Settings*. The website for Interplay: Play, learning and ICT in pre-school education. London: University of Stirling, 2006.
- Pre-school Education Branch (2017). *Teaching and Learning Guidelines on the Use of Information and Communication Technology in Pre-school Centres*. Singapore: Ministry of Education.
- Pre-school Education Branch (2019). *Outdoor Learning: A National Guide for Early Childhood Educators*. Singapore: Ministry of Education.
- Wortham, Sue Clark and Hardin, Belinda June (2016). *Assessment in early childhood education*. Upper Saddle River, N. J.: Pearson.
- Yahya, Raudhah (2015). Bridging home and school: Understanding immigrant mothers' cultural capital and concerns about play-based learning. *In Early Years, An International Research Journal* (Volume 36, 2016 - Issue 4).



Ministry of Education
SINGAPORE

Pre-school Education Branch

ISBN 978-981-18-7433-8

9 789811 874338